

## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK

#### Perkara Utama

##### Apa yang diaudit?

- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan Negeri.

##### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dibuat bertujuan menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Sarawak secara menyeluruh pada akhir tahun 2022. Di samping itu, membantu Kerajaan Negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.

##### Apa yang ditemui Audit?

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah stabil. Kumpulan Wang Disatukan dalam tahun 2022 adalah berjumlah RM23.738 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM1.753 bilion berbanding RM21.985 bilion pada tahun 2021.
- Kerajaan Negeri mencatatkan lebihan sebanyak RM1.451 bilion dalam tahun 2022 berbanding defisit sebanyak RM3.529 bilion pada tahun 2021.
- Kutipan Hasil meningkat sebanyak RM4.290 bilion atau 56.3% kepada sejumlah RM11.910 bilion berbanding RM7.620 bilion pada tahun 2021.
- Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri menurun sebanyak RM0.533 bilion atau 4.7% kepada sejumlah RM10.796 bilion berbanding RM11.329 bilion pada tahun 2021.
- Prestasi pencapaian perbelanjaan projek pembangunan Kerajaan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) setakat 31 Disember 2022 berjumlah RM6.263 bilion atau 82.3% daripada sejumlah RM7.609 bilion yang diperuntukkan.

- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM181.58 juta atau 7.2% daripada RM2.506 bilion pada tahun 2021 kepada sejumlah RM2.325 bilion dalam tahun 2022. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM69.91 juta atau 5.8% kepada sejumlah RM1.140 bilion berbanding RM1.210 bilion pada tahun 2021.
- Pelaburan Saham menurun sebanyak RM87.59 juta atau 0.9% daripada RM9.767 bilion pada tahun 2021 kepada sejumlah RM9.680 bilion dalam tahun 2022.
- Hutang Awam meningkat sebanyak RM46.31 juta atau 2.5% kepada sejumlah RM1.888 bilion berbanding RM1.842 bilion pada tahun 2021.
- Tunggakan Hasil menurun sebanyak RM100.22 juta atau 26.6% kepada sejumlah RM277.25 juta berbanding RM377.47 juta pada tahun 2021.

#### **Apa yang disyorkan**

#### **Audit?**

- Bagi memperkuuh prestasi kewangan Kerajaan Negeri, adalah disyorkan langkah seperti berikut:
  - merancang anggaran belanjawan sebaiknya agar peruntukan yang diluluskan memenuhi keperluan operasi kementerian/jabatan/agensi, dibelanjakan mengikut apa yang dirancang dan meminimumkan penggunaan Dana Kontigensi;
  - memastikan rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan dikemaskini bagi memudahkan tindakan susulan dan pemantauan dibuat terhadap tunggakan pinjaman, ansuran pinjaman terlebih kutip dan lebihan bayaran kepada penerima;
  - mengkaji semula klausa dalam perjanjian dengan pembekal bagi pelaksanaan kerja, bekalan dan perkhidmatan serta memastikan tindakan boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran syarat perjanjian bagi menjamin kepentingan kerajaan;
  - mengambil tindakan segera terhadap akaun amanah yang tidak aktif, berbaki debit dan baki tunggakan pinjaman dalam kumpulan wang amanah;

- mempercepat pelaksanaan semua projek fizikal dan bukan fizikal di bawah RMKe-11 dan RMKe-12 bagi merealisasikan visi dan misi Kerajaan Negeri; dan
- sentiasa mengamalkan perbelanjaan berhemat dan berdisiplin tanpa menjejasakan mutu perkhidmatan awam.



## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK

#### FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	PENYATA AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2022 - RM11.910 Bilion	2022 - RM18.314 Bilion	2022 - RM2.325 Bilion
2021 - RM7.620 Bilion	2021 - RM17.201 Bilion	2021 - RM2.506 Bilion
↓ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↓ PELABURAN
2022 - RM10.459 Bilion	2022 - RM0	2022 - RM9.680 Bilion
2021 - RM11.149 Bilion	2021 - RM0	2021 - RM9.767 Bilion
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↑ HUTANG AWAM
	2022 - RM5.424 Bilion	2022 - RM1.888 Bilion
	2021 - RM4.785 Bilion	2021 - RM1.842 Bilion

#### 1. PENDAHULUAN

Jabatan Audit Negara selain mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2022, juga membuat analisis mengikut prinsip asas Perakaunan Tunai Ubah Suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan. Analisis Audit dibuat berdasarkan data dan rekod yang diperoleh daripada State Integrated Financial, Budgeting and Accounting Systems (SIFBAS) serta dokumen kewangan daripada semua kementerian/jabatan/agensi negeri.

#### 2. PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

### 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau defisit keseluruhan dana berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri mencatatkan lebihan sejumlah RM1.451 bilion iaitu meningkat sebanyak RM4.980 bilion atau 141.1% berbanding kurangan sebanyak RM3.529 bilion pada tahun 2021. Sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM11.910 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil serta Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik.

3.3. Perbelanjaan Mengurus mencatatkan penurunan sebanyak RM1.744 bilion atau 29.4% menjadi RM4.196 bilion pada tahun 2022 berbanding RM5.940 bilion pada tahun 2021. Perbelanjaan Pembangunan meningkat sebanyak RM1.054 bilion atau 20.2% kepada RM6.263 bilion pada tahun 2022 berbanding RM5.208 bilion pada tahun 2021. Prestasi Kewangan seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**  
**PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2022 (RM Juta)</b>	<b>2021 (RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
			<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
<b>HASIL</b>	<b>11,910.11</b>	<b>7,619.99</b>	<b>4,290.12</b>	<b>56.3</b>
Tolak:				
Belanja Mengurus *	4,196.23	5,940.17	(1,743.94)	(29.4)
Belanja Pembangunan	6,262.51	5,208.48	1,054.03	20.2
<b>PERBELANJAAN</b>	<b>10,458.74</b>	<b>11,148.65</b>	<b>(689.91)</b>	<b>(6.2)</b>
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) KESELURUHAN</b>	<b>1,451.37</b>	<b>(3,528.66)</b>	<b>4,980.03</b>	<b>141.1</b>
Dibayai Oleh:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	191.00	200.86	(9.86)	(4.9)
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	409.60	195.97	213.63	109.0
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(2,051.97)	3,131.83	(5,183.8)	(165.5)
<b>PEMBIAYAAN</b>	<b>(1,451.37)</b>	<b>3,528.66</b>	<b>(4,980.03)</b>	<b>(141.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Nota: (\*) - Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)

#### 4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Pada tahun 2022, Kumpulan Wang Disatukan telah meningkat sebanyak RM1.753 bilion atau daripada sebanyak RM21.985 bilion pada tahun 2021 kepada sebanyak RM23.738 bilion. Peningkatan ini disebabkan pertambahan dalam Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM1.114 bilion dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM0.639 bilion.

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2022 berbanding tahun 2021 seperti dalam **Jadual 2**.


**JADUAL 2**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN**  
**PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	<b>Akaun Hasil Disatukan</b>	18,314.46	17,200.58	1,113.88	6.5
2.	<b>Akaun Pinjaman Disatukan</b>	-	-	-	-
3.	<b>Akaun Amanah Disatukan yang terdiri daripada:</b>	5,423.91	4,784.78	639.13	13.4
	a. Kumpulan Wang Amanah				
	i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	4,902.73	4,168.83	733.90	17.6
	ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	296.80	313.79	(16.99)	(5.4)
	b. Deposit	224.38	210.83	13.55	6.4
	c. Akaun Kena Bayar	-	91.33	(91.33)	(100.0)
<b>JUMLAH</b>		<b>23,738.37</b>	<b>21,985.36</b>	<b>1,753.01</b>	<b>8.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

4.3. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022, kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2018 adalah tertinggi sejumlah RM27.092 bilion. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2018 HINGGA 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak

## 5. WANG AWAM

### 5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan aset yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki Wang Tunai dalam Akaun Semasa yang diurus oleh Ibu Pejabat Perpendaharaan Negeri, 12 Pejabat Perpendaharaan Bahagian dan Pejabat Perhubungan Sarawak di Kuala Lumpur. Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke bank serta Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam Buku Tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada baki wang tunai di 24 Pejabat Perpendaharaan Kecil pada 31 Disember 2022 dan Panjar Wang Runcit yang diberi kepada 17 pemegang panjar.

5.1.2. Wang Tunai dalam tahun 2022 menunjukkan penurunan sebanyak RM0.46 juta atau 86.8% menjadi sejumlah RM0.07 juta berbanding RM0.53 juta pada tahun 2021. Penurunan Wang Tunai adalah disebabkan baki Wang Tunai Dalam Bank menurun sebanyak RM0.45 juta atau 97.8%. Kedudukan Wang Tunai pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**WANG TUNAI PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022	2021	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	0.01*	0.46	(0.45)	(97.8)
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	-	-	-	-
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.06	0.07	(0.01)	(14.3)
<b>JUMLAH</b>		<b>0.07</b>	<b>0.53</b>	<b>(0.46)</b>	<b>(86.8)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Nota: (\*) - Wang Tunai Dalam Bank Berjumlah RM5,664

## 5.2. Pelaburan

5.2.1. Pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2022 terdiri daripada Pelaburan Am dan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dalam bentuk Simpanan Tetap berjumlah RM23.556 bilion dan Saham di institusi kewangan yang diluluskan berjumlah RM182.32 juta. Pelaburan wang yang dibuat adalah terdiri daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan dan diambil kira pada Nilai Buku.

5.2.2. Pelaburan Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM1.753 bilion atau daripada sebanyak RM21.985 bilion pada tahun 2021 kepada sebanyak RM23.738 bilion bagi tahun 2022. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan hasil bagi tahun 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PELABURAN KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022	2021	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Pelaburan Am</b>					
1.	a. Simpanan Tetap	23,312.28	21,241.82	2,070.46	9.7
	b. Unit Saham	91.23	91.23	-	-
<b>Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>					
2.	a. Simpanan Tetap	243.70	560.69	(316.99)	(56.5)
	b. Unit Saham	91.09	91.09	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>23,738.30</b>	<b>21,984.83</b>	<b>1,753.47</b>	<b>8.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

5.2.3. Pada tahun 2022, Pelaburan dalam Simpanan Tetap telah memberi pulangan faedah sejumlah RM524.72 juta. Faedah yang diterima pada tahun 2022 meningkat sebanyak RM7.65 juta atau 1.5% berbanding sejumlah RM517.07 juta pada tahun 2021. Analisis trend bagi tempoh lima tahun menunjukkan **faedah Simpanan Tetap pada tahun 2018 adalah yang tertinggi, iaitu sejumlah RM1.156 bilion**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**KEDUDUKAN PELABURAN**  
**DAN KADEAH SIMPANAN TETAP BAGI TAHUN 2018 HINGGA TAHUN 2022**

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
<b>Pelaburan Am</b>						
1.	a. Simpanan Tetap	26,401.00	23,207.80	24,034.77	21,241.82	23,312.28
	b. Unit Saham	91.23	91.23	91.23	91.23	91.23
<b>Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>						
2.	a. Simpanan Tetap	497.52	570.79	538.79	560.69	243.70
	b. Unit Saham	96.52	97.92	97.92	91.09	91.09
<b>JUMLAH</b>		<b>27,086.27</b>	<b>23,967.74</b>	<b>24,762.71</b>	<b>21,984.83</b>	<b>23,738.30</b>
Faedah Simpanan Tetap		1,156.04	1,017.15	703.39	517.07	524.72
Peratusan (%)		4.3	4.2	2.8	2.4	2.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

- a. Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi sesuatu tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan selaras dengan Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957.
- b. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2022 dengan mencatatkan lebihan hasil berjumlah RM1.114 bilion berbanding kurangan hasil berjumlah RM3.709 bilion pada tahun 2021. Peningkatan ini berpunca daripada peningkatan hasil sebanyak RM11.910 bilion berbanding RM7.620 bilion pada tahun 2021. Baki Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**AKAUN HASIL DISATUKAN**  
**PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	17,200.58	20,909.76	(3,709.18)	(17.7)
Hasil	11,910.11	7,619.99	4,290.12	56.3
Perbelanjaan Mengurus	10,796.23	11,329.17	(532.94)	(4.7)
Lebihan/(Kurangan)	1,113.88	(3,709.18)	4,823.06	130.0
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>18,314.46</b>	<b>17,200.58</b>	<b>1,113.88</b>	<b>6.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

- c. Berdasarkan analisis trend dalam tempoh lima tahun dari tahun 2018 hingga 2022, baki Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 adalah tertinggi iaitu sejumlah RM22.678 bilion. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA TAHUN 2022**

PERKARA	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	22,567.83	22,677.97	20,543.13	20,909.76	17,200.58
Hasil	7,200.93	7,266.31	10,646.69	7,619.99	11,910.11
Perbelanjaan Mengurus	7,090.79	9,401.15	10,280.06	11,329.17	10,796.23
Lebihan/(Kurangan)	110.14	(2,134.84)	366.63	(3,709.18)	1,113.88
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>22,677.97</b>	<b>20,543.13</b>	<b>20,909.76</b>	<b>17,200.58</b>	<b>18,314.46</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

## 6.1. Hasil

6.1.1. Hasil Kerajaan Negeri dikategori kepada empat jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik serta Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hasil Bukan Cukai ialah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik merupakan pemberian, caruman dan pulangan balik perbelanjaan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Terimaan Bukan Hasil pula ialah kutipan yang bukan berdasarkan Akta atau perundangan.

6.1.2. Pada tahun 2022, kutipan hasil sebenar adalah sejumlah RM11.910 bilion berbanding anggaran hasil sejumlah RM10.159 bilion iaitu melebihi sejumlah RM1.751 bilion daripada anggaran yang ditetapkan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PERBANDINGAN ANGGARAN HASIL  
DENGAN KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2022**

BIL.	BUTIRAN	ANGGARAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Hasil Cukai	5,279.60	6,706.81	127.0
2.	Hasil Bukan Cukai	4,589.85	4,840.95	105.5
3.	Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik	264.93	328.09	123.8
4.	Terimaan Bukan Hasil	25.07	34.26	136.7
<b>JUMLAH</b>		<b>10,159.45</b>	<b>11,910.11</b>	<b>117.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

6.1.3. Hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 2022 meningkat sebanyak RM4.290 bilion atau 56.3% kepada RM11.910 bilion berbanding RM7.620 bilion pada tahun 2021. Analisis Audit mendapati Hasil Cukai menunjukkan peningkatan paling ketara iaitu sebanyak RM2.484 bilion atau 58.8%. Kutipan hasil negeri dalam tahun 2022 berbanding tahun 2021 seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**KUTIPAN HASIL NEGERI PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	6,706.81	4,223.28	2,483.53	58.8
2.	Hasil Bukan Cukai	4,840.95	3,126.84	1,714.11	54.8
3.	Pemberian Kerajaan Persekutuan dan Bayaran Balik	328.09	239.51	88.58	37.0
4.	Terimaan Bukan Hasil	34.26	30.36	3.90	12.8
<b>JUMLAH</b>		<b>11,910.11</b>	<b>7,619.99</b>	<b>4,290.12</b>	<b>56.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak

6.1.4. Hasil utama Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Minyak Mentah dan Gas Cecair Asli, Dividen, Minyak Sawit Mentah, Pampasan Gantian Hak ke Atas Minyak, Pampasan Gantian Hak ke Atas Gas, Royalti Air dan Faedah dari Pasaran Kewangan. Tujuh hasil ini telah menyumbang sejumlah RM10.164 bilion atau 85.3% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2022 berbanding kutipan berjumlah RM6.281 bilion atau 82.4% pada tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 10**.


**JADUAL 10**  
**HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI**  
**PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022		2021	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai - Minyak Mentah dan Gas Cecair Asli	4,365.44	36.7	2,449.47	32.1
2.	Hasil Bukan Cukai - Dividen	1,456.68	12.2	754.27	9.9
3.	Hasil Cukai - Minyak Sawit Mentah	1,016.74	8.5	684.50	9.0
4.	Hasil Bukan Cukai - Pampasan Gantian Hak ke Atas Minyak	1,151.16	9.7	646.74	8.5
5.	Hasil Bukan Cukai - Pampasan Gantian Hak ke Atas Gas	1,026.35	8.6	640.90	8.4
6.	Hasil Cukai - Royalti Air	622.84	5.2	588.19	7.7
7.	Hasil Bukan Cukai - Faedah dari Pasaran Kewangan	524.72	4.4	517.07	6.8
<b>JUMLAH</b>		<b>10,163.93</b>	<b>85.3</b>	<b>6,281.14</b>	<b>82.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak

6.1.5. Analisis trend menunjukkan terimaan daripada Minyak Mentah dan Gas Cecair Asli merupakan Hasil Cukai tertinggi bagi tempoh lima tahun. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 2**.

**CARTA 2**  
**HASIL UTAMA KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2018 HINGGA TAHUN 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

6.1.6. Lima butiran hasil mencatatkan peningkatan ketara pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 dengan peratusan peningkatan antara 48.5% hingga 93.1%. Justifikasi peningkatan seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN KETARA**  
**LIMA BUTIRAN HASIL PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Hasil Cukai - Minyak Mentah dan Gas Asli Cecair	4,365.44	3,449.47	1,915.97	78.2	Harga pasaran yang meningkat iaitu purata harga minyak mentah bagi tahun 2022 adalah USD98 per tong berbanding tahun 2021 yang bernilai USD65 per tong.
2.	Hasil Bukan Cukai - Dividen	1,456.68	754.27	702.41	93.1	Dividen yang diterima adalah berdasarkan pencapaian keuntungan syarikat.
3.	Hasil Bukan Cukai - Pampasan Gantian Hak ke Atas Minyak	1,151.16	646.74	504.42	78.0	Hasil yang diterima pada tahun 2022 adalah berdasarkan harga purata komoditi pada penggal kedua tahun 2021 dan penggal pertama tahun 2022. Harga purata pasaran bagi minyak mentah telah meningkat kepada USD95.77 per tong pada tahun 2022 berbanding USD54.10 per tong pada tahun sebelumnya.
4.	Hasil Bukan Cukai - Pampasan Gantian Hak ke Atas Gas	1,026.35	640.90	385.45	60.1	Hasil yang diterima pada tahun 2022 adalah berdasarkan kepada harga purata komoditi pada penggal kedua tahun 2021 dan penggal pertama tahun 2022. Harga purata pasaran bagi gas telah meningkat kepada USD3.40/MMBtu pada tahun 2022 berbanding USD2.76/MMBtu pada tahun sebelumnya.
5.	Hasil Cukai - Minyak Sawit Mentah	1,016.74	684.50	332.24	48.5	Peningkatan harga purata hasil minyak sawit mentah daripada RM4,400.50 per tan metrik pada tahun 2021 kepada RM5,115.50 per tan metrik pada tahun 2022.

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan Jabatan Berkennaan

6.1.7. Analisis Audit mendapati peratusan penurunan hasil yang ketara antara 2.6% hingga 62.7% bagi lima butiran hasil dalam tahun 2022 berbanding tahun 2021. Justifikasi penurunan hasil tersebut seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN KETARA**  
**LIMA BUTIRAN HASIL PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>2022 (RM Juta)</b>	<b>2021 (RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>		<b>JUSTIFIKASI PENURUNAN</b>
				<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>	
1.	Bangunan-bangunan Pejabat Kerajaan	9.53	21.88	(12.35)	(56.4)	Amaun kutipan tertunggak berjumlah RM16.1 juta pada tahun 2020 diterima pada tahun 2021.
2.	Lesen Tanah dan Survei	3.90	10.46	(6.56)	(62.7)	Kutipan menurun disebabkan penurunan bayaran Lesen Pendudukan Sementara Bakun dan Murum pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya.
3.	Bayaran Permulaan Tak Dituntut	6.96	13.19	(6.23)	(47.2)	Amaun Deposit yang telah diwartakan pada tahun 2021 adalah berjumlah RM17.84 juta berbanding tahun 2022 berjumlah RM8.65 juta.
4.	Premium Kayu Kayan	109.84	112.72	(2.88)	(2.6)	Penurunan jumlah pengeluaran balak dari 2.3 juta m <sup>3</sup> pada tahun 2021 kepada 2.2 juta m <sup>3</sup> pada tahun 2022. Kadar rata premium yang dikenakan adalah sebanyak RM50/m <sup>3</sup> .
5.	Bayaran Dokumen Tender	2.17	4.31	(2.14)	(49.7)	Bilangan tender bagi tahun 2021 adalah sebanyak 732 berbanding tahun 2022 sebanyak 711.

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan Jabatan Berkenaan

## 6.2. Perbelanjaan Mengurus

6.2.1. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Tanggungan dan Bekalan. Mengikut Perkara 98 dalam Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan pembayaran hutang negeri. Maksud Bekalan berdasarkan Perkara 100 dan 101 dalam Perlembagaan Persekutuan ialah perbelanjaan seperti emolumen, semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi perolehan barang-barang dan perkhidmatan, bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Berkanun serta wang yang diperuntukkan kepada Badan Berkanun Negeri (BBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

6.2.2. Pada tahun 2022, peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi Perbelanjaan Mengurus adalah sejumlah RM10.770 bilion. Peruntukan ini telah menurun sebanyak RM943.13 juta atau 8.1% berbanding sejumlah RM11.713 bilion bagi tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**PERUNTUKAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	961.31	941.37	19.94	2.1
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	1,353.50	1,277.41	76.09	6.0
3.	Aset	81.78	67.57	14.21	21.0
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,721.70	1,701.67	20.03	1.2
5.	Perbelanjaan Lain*	6,651.46	7,724.86	(1,073.40)	(13.9)
<b>JUMLAH</b>		<b>10,769.75</b>	<b>11,712.88</b>	<b>(943.13)</b>	<b>(8.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Nota: (\*) - Perbelanjaan Lain Termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkanun

### 6.2.3. Peruntukan Tidak Dibelanjakan

Analisis Audit mendapati sebanyak **28 kementerian dan jabatan tidak membelanjakan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM6.49 juta merangkumi pelbagai jenis perbelanjaan**. Lima kementerian/jabatan tertinggi yang tidak membelanjakan peruntukan berjumlah RM3.20 juta iaitu Jabatan Muzium Sarawak (JMS); Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (MTCP); Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak (JKMS); Jabatan Premier Sarawak (JPS) dan Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan (MYSED). Antara sebab peruntukan tidak dibelanjakan seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN TIDAK DIBELANJAKAN PADA TAHUN 2022**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	KOD AKAUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	JUSTIFIKASI
1.	Jabatan Muzium Sarawak	B44/05020000/29110	2.23	Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) masih belum melantik kontraktor bagi menjalankan Pengurusan Fasiliti di Borneo Cultures Museum dan Bangunan Annex menyebabkan peruntukan tidak dapat dibelanjakan.
2.	Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan	B52/58130000/42299	0.45	Tiga projek yang tertangguh disebabkan oleh pandemik Covid-19 dan pembayaran hanya akan dibuat pada tahun 2023 selepas Ahli Jawatankuasa bersetuju menerima dan berpuas hati dengan laporan kajian.
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak	B51/63070100/37402	0.25	Kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi pembelian mesin dialisis hanya diperoleh pada suku terakhir tahun 2022 dan menyebabkan proses perolehan tidak dilaksanakan.
4.	Jabatan Premier Sarawak	B14/01050000/34106	0.20	Permohonan pembelian bot telah dikemukakan pada bulan Ogos 2022 dan proses perolehan dibuat sehingga hujung tahun 2022. Terdapat kekangan masa untuk menyiapkan bot berdasarkan keperluan pihak Astana, maka tiada pembayaran dapat dibuat menyebabkan peruntukan tidak dibelanjakan.

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	KOD AKAUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	JUSTIFIKASI
5.	Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan	B86/60020000/24899	0.07	Penjimatan kos daripada Program Belia & Sukan bagi kod B86/6002/248999 pada tahun 2022 adalah disebabkan perkhidmatan videogrfi/fotografi dilaksanakan oleh pegawai ICT Kementerian. Oleh yang demikian, tiada komitmen di bawah kod tersebut (Rental of broadcasting equipment).
<b>JUMLAH</b>			<b>3.20</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

#### 6.2.4. Pindah Peruntukan Tidak Dibelanjakan

Pada tahun 2022, **sebanyak 14 kementerian dan jabatan tidak membelanjakan sejumlah RM2.02 juta Pindah Peruntukan yang telah diluluskan merangkumi pelbagai jenis perbelanjaan.** Analisis Audit mendapati Pindah Peruntukan berjumlah RM1.39 juta bagi lima kementerian dan jabatan yang tertinggi tidak dibelanjakan ialah JKR, JPS, MTCP, JMS dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB). Antara sebab Pindah Peruntukan tidak dibelanjakan adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**PINDAH PERUNTUKAN TIDAK DIBELANJAKAN PADA TAHUN 2022**

BIL.	KEMENTERIAN/JA BATAN	KOD AKAUN	PINDAH PERUNTUKAN (RM Juta)			JUSTIFIKASI
			TAMBAHAN (a)	POTONGAN (b)	BAKI (c)=(a-b)	
1.	Jabatan Kerja Raya	B33/22030100/ 28102	1.48	0.79	0.69	Tuntutan daripada kontraktor adalah kurang daripada anggaran perbelanjaan.
2.	Jabatan Premier Sarawak	B14/01050000/ 27601	0.49	0.10	0.39	Pembekal yang telah ditawarkan tidak dapat menyempurnakan bekalan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
3.	Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan	B52/01050000/ 21303	0.14	-	0.14	Pelarasan baucar jurnal bagi bulan Ogos hingga Oktober yang hanya diluluskan pada 20 hingga 21 Disember menyebabkan pertambahan peruntukan dan tidak dapat dibelanjakan sehingga tarikh akhir penutupan akaun.
4.	Jabatan Muzium Sarawak	B44/05020000/ 28799	0.20	0.11	0.09	Penyaluran waran kepada JKR untuk kerja-kerja penyenggaraan bangunan di bawah selain jabatan adalah menggunakan Kontrak Bermasa dan mengikut keperluan.
5.	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar	B80/26020600/ 21302	0.11	0.03	0.08	Permohonan pindah peruntukan telah dilakukan pada penghujung bulan November 2022 bagi menampung perbelanjaan tuntutan perjalanan rasmi pegawai. Memandangkan pada penghujung tahun dan perlu mematuhi sasaran penutupan akaun tahun 2022, perbelanjaan tersebut tidak dapat dilaksanakan pada bulan Disember 2022.
<b>JUMLAH</b>			<b>2.42</b>	<b>1.03</b>	<b>1.39</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

### 6.2.5. Perbelanjaan Kurang 50 Peratus Daripada Peruntukan

Pada tahun 2022, sebanyak **34 kementerian dan jabatan telah berbelanja kurang 50% daripada sejumlah RM22.13 juta peruntukan yang diluluskan merangkumi pelbagai jenis perbelanjaan.** Lima kementerian dan jabatan tertinggi yang berbelanja kurang daripada 50% adalah JPS, JKR, JKMS, Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) dan MYSED. Ini melibatkan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM12.63 juta dan perbelanjaan yang dibuat adalah antara 20.5% hingga 48.7%. Antara sebab peruntukan dibelanjakan kurang daripada 50% seperti dalam **Jadual 16.**

**JADUAL 16**  
**PERBELANJAAN KURANG 50 PERATUS**  
**DARIPADA PERUNTUKAN DILULUSKAN PADA TAHUN 2022**

BIL.	KEMENTERIAN /JABATAN	KOD AKAUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	JUSTIFIKASI
1.	Jabatan Premier Sarawak	B14/0209010/37607	4.33	2.11	48.7	Baucar bayaran telah dibatalkan kerana dokumen sokongan yang tidak lengkap dan tindakan pembetulan tidak diambil dalam tempoh ditetapkan sebelum penutupan akaun menyebabkan bayaran tidak dapat dibuat.
2.	Jabatan Kerja Raya	B33/2003020/28203	4.69	2.02	43.1	Dua bayaran berjumlah RM2.26 juta kepada kontraktor tidak dapat dibuat sebelum penutupan akaun akhir tahun.
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak	B51/0105000/28102	1.93	0.43	22.3	Jabatan telah memohon kos penyenggaraan daripada pihak JKR pada awal tahun 2022. Bagaimanapun, lawatan tapak dibuat oleh pihak JKR pada bulan Ogos 2022 disusuli dengan anggaran kos. Memandangkan masa yang singkat dan hampir penghujung tahun, hanya beberapa penyenggaraan yang dimohon dapat dilaksanakan oleh pihak JKR pada tahun 2022. Penyenggaraan yang dianggarkan dengan kos yang besar seperti pengubahsuaian dewan, kantin, tempat letak kenderaan, blok pejabat tidak dapat dilaksanakan oleh pihak JKR.
4.	Jabatan Perkhidmatan Pembetungan	B75/0202000/37799	0.73	0.15	20.5	Peruntukan adalah untuk penggantian kelengkapan peralatan di Loji Rawatan Kumbahan Serantau Kuching dan Bintulu. Jabatan ini mengambil alih sistem pembetungan di Bintulu daripada Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) pada tahun 2021. Bagi tahun 2021, peruntukan dan perbelanjaan masih di bawah BDA iaitu masa peralihan. Peruntukan bagi perbelanjaan untuk Bintulu hanya dipohon pada tahun 2022 dan peruntukan untuk penggantian

BIL.	KEMENTERIAN /JABATAN	KOD AKAUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PERATUS PERBELANJAAN (%)	JUSTIFIKASI
						kelengkapan dibuat berdasarkan pengetahuan yang sistem pembetungan di Bintulu telah lama beroperasi. Bagaimanapun, setelah peralatan diperiksa oleh kontraktor yang memperoleh kontrak bagi kerja penyenggaraan peralatan, didapati peralatan di Bintulu hanya memerlukan penyelenggaraan dan pembaikan. Perbelanjaan RM151,353 adalah penggantian peralatan di Loji Kuching iaitu untuk pH meter, pH sensor, pump dan anoxic mixer.
5.	Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan	B86/6103000/23201	0.95	0.43	45.3	Perbelanjaan dibuat atas keperluan sebenar bagi semua pejabat Bahagian di seluruh Sarawak.
<b>JUMLAH</b>			<b>12.63</b>	<b>5.14</b>	<b>40.7</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

6.2.6. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah berbelanja sejumlah RM10.796 bilion berbanding RM11.329 bilion pada tahun 2021. Pada keseluruhannya, penurunan Perbelanjaan Mengurus antara 7% hingga 7.7% disebabkan pengurangan perbelanjaan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Bagaimanapun, perbelanjaan bagi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan serta Aset menunjukkan peningkatan antara 4% hingga 12.4%. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	1,011.96	972.80	39.16	4.0
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	1,356.67	1,255.11	101.56	8.1
3.	Aset	72.67	64.63	8.04	12.4
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,673.04	1,799.93	(126.89)	(7.0)
5.	Perbelanjaan Lain *	6,681.89	7,236.70	(554.81)	(7.7)
<b>JUMLAH</b>		<b>10,796.23</b>	<b>11,329.17</b>	<b>(532.94)</b>	<b>(4.7)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Nota: (\*) - Perbelanjaan Lain Termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Berkutan

6.2.7. Analisis Audit terhadap Perbelanjaan Mengurus mendapati lima butiran perbelanjaan telah mencatat peningkatan ketara antara 21.9% hingga 322.6% dalam tahun 2022 berbanding tahun 2021. Justifikasi peningkatan perbelanjaan seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN**  
**MENGURUS YANG KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Perbelanjaan Lain - Dana Pembangunan	6,600.00	5,000.00	1,600.00	32.0	Peningkatan caruman untuk memastikan terdapat baki dana pembangunan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan perbelanjaan pembangunan dalam tahun semasa.
2.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Geran Kepada Agensi Kerajaan	70.70	25.90	44.80	173.0	Peningkatan disebabkan peruntukan untuk Geran Padanan telah dimasukkan atau disatukan ke Kod Akaun B42/42101.
3.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Other Court and Tribunal Awards	41.77	-	41.77	100.0	Peningkatan perbelanjaan adalah bagi pembayaran kes mahkamah dan tribunal. Perbelanjaan tidak dapat dijangka kerana pembayaran bergantung kepada keputusan mahkamah dan arahan daripada Peguam Besar Negeri.
4.	Perkhidmatan dan Bekalan - Sewaan Catar Udara	167.85	137.70	30.15	21.9	Peningkatan perbelanjaan sewaan catar udara adalah disebabkan caj dikenakan berdasarkan kekerapan sewaan pesawat digunakan. Kebanyakan program mula diadakan secara fizikal menyebabkan perjalanan merentasi daerah/negeri/negara semakin kerap dan seterusnya menyebabkan peningkatan sewaan catar udara semakin meningkat.
5.	Perkhidmatan dan Bekalan - Tambang Udara	37.15	8.79	28.36	322.6	Peralihan ke Fasa Endemik Covid-19, kebanyakan program mula diadakan secara fizikal berbanding tahun sebelum pandemik Covid-19 menyebabkan perjalanan merentasi daerah/negeri/negara semakin kerap.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak dan Jabatan Berkennaan

6.2.8. Analisis Audit seterusnya terhadap Perbelanjaan Mengurus mendapati lima butiran perbelanjaan mengalami penurunan ketara antara 21.1% hingga 100% dalam tahun 2022 berbanding tahun 2021. Justifikasi penurunan perbelanjaan seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN**  
**MENGURUS YANG KETARA PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
1.	Perbelanjaan Lain - Lain-lain Dana Amanah Berkanun	78.03	2,233.28	(2,155.25)	(96.5)	Perbelanjaan direkod adalah jumlah pelarasan kepada Tabung Bantuan Bencana Alam Negeri. Perbelanjaan berkaitan Covid-19 yang menyumbang kepada sejumlah besar peningkatan perbelanjaan pada tahun sebelumnya mula berkurangan pada tahun 2022 kerana kerja-kerja operasi menangani wabak adalah pada tahap yang minimum.

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI
				(RM Juta)	(%)	
2.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Bayaran Insentif dan Subsidi	509.79	646.46	(136.67)	(21.1)	Pada tahun 2021, peruntukan subsidi untuk Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) adalah dari bulan Januari hingga Disember manakala pada tahun 2022, subsidi adalah dari bulan Januari hingga Jun berdasarkan polisi Kerajaan.
3.	Perkhidmatan dan Bekalan - Lain-Lain Ganjaran dan Honorarium	70.57	132.76	(62.19)	(46.8)	Pada tahun 2021, pecahan pembayaran Bantuan Insentif Khas (BIK) kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berkhidmat di Sarawak untuk dua tahun iaitu berjumlah RM130.27 juta (2021:RM66.92 juta dan 2020:RM63.35 juta). Pembayaran BIK pada tahun 2022 adalah untuk tahun semasa sahaja berjumlah RM63.35 juta menyebabkan perbelanjaan adalah kurang berbanding tahun sebelumnya.
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Gratuiti Ahli Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri	0.71	32.46	(31.75)	(97.8)	Pada tahun 2022, Ganjaran hanya dibayar kepada mantan Ahli Pentadbiran manakala pada tahun 2021, Ganjaran telah dibayar kepada semua 81 Ahli Dewan Undangan Negeri selepas pembubarannya.
5.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap - Geran Kepada Pihak Berkuasa Tempatan	-	27.01	(27.01)	(100.0)	Penurunan perbelanjaan untuk program ini disebabkan kod akaun ini tidak digunakan bagi tahun 2022 untuk penyaluran Dana Longhouse Loan for Low Income Group.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak, Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak dan Jabatan Berkennaan

6.2.9. Subseksyen 3(3) dalam Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance, 1963 menyatakan *the Chief Minister, if he is satisfied that there has arisen an urgent and unforeseen need for expenditure for which no other provision exists and for which moneys cannot be provided under section 29(4) of the Financial Procedure Act 1957 [Act 61], of the Federation as extended to Sarawak by an order made under section 74 of the Malaysia Act, may make advances from the Contingencies Fund to meet that need.*

6.2.10. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah mendahulukan sejumlah RM179.84 juta daripada Dana Kontingensi bagi membiayai perbelanjaan kementerian dan jabatan yang hanya diluluskan pada 18 Mei 2023 semasa persidangan Dewan Undangan Negeri.

6.2.11. Pendahuluan tersebut didapati telah dibelanjakan bagi Lain-lain Ganjaran dan Honorarium (RM62.22 juta); Bayaran Insentif Khas (RM40.93 juta); Lain-lain Dana Amanah Berkanun (RM30.49 juta) dan Gaji penjawat awam (RM9.99 juta). Selain itu, dana tersebut juga digunakan untuk Faedah Kewangan Lain (RM6.03 juta); Sewaan Kenderaan Penumpang (RM3.82 juta); Geran kepada badan

berkanun (RM2.17 juta); Tuntutan Tambang Udara (RM1.86 juta); Tuntutan Hotel dan Lojing (RM1.75 juta); dan Lain-lain perbelanjaan mengurus (RM20.58 juta). Antara justifikasi perbelanjaan menggunakan Dana Kontingensi seperti dalam **Jadual 20.**

**JADUAL 20**  
**JUSTIFIKASI PERBELANJAAN MENGGUNAKAN DANA KONTINGENSI**  
**PADA TAHUN 2022**

BIL.	TUJUAN PERBELANJAAN MENGURUS	PENDAHULUAN KONTINGENSI (RM Juta)	JUSTIFIKASI
1.	Lain-Lain Ganjaran dan Honorarium	62.22	Bayaran Bantuan Khas kepada Penjawat Awam Persekutuan yang bekerja di Sarawak tidak termasuk di dalam anggaran tahunan kerana baru diluluskan pada bulan Disember 2022. Memandangkan bayaran perlu dibuat sebelum penghujung tahun 2022 maka peruntukan tambahan diperlukan untuk penyaluran segera kepada Kerajaan Persekutuan.
2.	Bayaran Insentif Khas	40.93	Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) tidak dimasukkan dalam anggaran tahunan.
3.	Lain-Lain Dana Amanah Berkanun	30.49	Peruntukan tambahan ini dibuat bagi menampung bayaran tuntutan balik pada tahun 2022 untuk Low Cost Housing Loan Trust Fund.
4.	Gaji Penjawat Awam	9.99	Pertambahan adalah bagi menampung kes seperti kenaikan pangkat, hadiah kenaikan gaji, elauan pemangkuhan, elauan menanggung kerja, kenaikan gaji maksimum 3% dan pelantikan pegawai.
5.	Faedah Kewangan Lain seperti Elauan Cuti	6.03	Perbelanjaan ini melibatkan pertambahan kos penginapan, sewa kenderaan, jamuan dan perbelanjaan lain yang berkaitan dengan urusan rasmi.
6.	Sewaan Kenderaan Penumpang	3.82	Perbelanjaan ini melibatkan pertambahan kos sewaan kenderaan penumpang untuk pegawai bagi tujuan rasmi.
7.	Geran Kepada Badan Berkanun	2.17	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan asal yang diluluskan pada tahun 2022 tidak termasuk peruntukan untuk membiayai Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2021 bagi kakitangan CRAUN Research Sdn. Bhd.. Peruntukan tambahan sebanyak RM1.17 juta bagi tujuan pembayaran BKK.</li> <li>Peruntukan tambahan RM1 juta yang diperlukan oleh Sarawak Research and Development Council (SRDC) adalah bagi tujuan dana kepada SMD Semiconductor Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat baharu yang ditubuhkan pada 1 November 2022.</li> </ul>
8.	Tuntutan Tambang Udara	1.86	Peruntukan tambahan yang dimohon untuk pelaksanaan program promosi pelaburan di luar negara yang telah diluluskan melalui MMKN dan Setiausaha Kewangan Negeri.
9.	Tuntutan Hotel dan Lojing	1.75	Peruntukan tambahan yang dimohon untuk pelaksanaan program promosi pelaburan di luar negara yang telah diluluskan melalui MMKN dan Setiausaha Kewangan Negeri.
10.	Lain-Lain Perbelanjaan Mengurus – <ul style="list-style-type: none"> <li>Sewa Catar Udara</li> <li>Perkhidmatan Katering</li> <li>Keraian</li> <li>Lain-Lain Perkhidmatan</li> <li>Tunggakan Elauan DUN</li> <li>Faedah Kewangan Lain</li> <li>Dan Lain-lain</li> </ul>	20.58	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peruntukan dipinda yang berjumlah RM76,900 tidak mencukupi untuk menampung bayaran balik ke PTJ 1400089/0105/24303 (Catar Udara) bagi bulan Februari hingga Disember 2022.</li> <li>Perbelanjaan Perkhidmatan Katering dan Keraian meningkat disebabkan pertambahan program selepas peralihan ke Fasa Endemik Covid-19.</li> <li>Pelaksanaan program promosi pelaburan di luar negara yang telah diluluskan melalui MMKN dan Setiausaha Kewangan Negeri.</li> <li>Tunggakan Elauan Tetap Ahli DUN tidak dibajetkan dalam Anggaran Perbelanjaan 2022 memandangkan tarikh pembubaran DUN tidak dapat dijangka.</li> <li>Peruntukan tambahan bagi perbelanjaan Faedah Kewangan Lain adalah bertujuan untuk membiayai Elauan Pelancaran Ahli MMKN bagi portfolio Timbalan Menteri Pendidikan dan Inovasi serta pembiayaan kos Annual Leave Passage Menteri-Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat yang bercuti ke luar negara pada bulan Disember 2022.</li> </ul>
	<b>JUMLAH</b>	<b>179.84</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

### **6.2.12. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) menetapkan kebenaran Akauntan Negara atau Akauntan Negeri/Bendahari Negeri adalah diperlukan bagi membayar atau menyelaras baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan dengan pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama. Permohonan itu hanya boleh dipertimbangkan dengan syarat kementerian/jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar.
- b. Pada tahun 2022, didapati pembayaran berjumlah RM1.46 juta di bawah AP 58(a), melibatkan 170 baucar bayaran daripada 10 kementerian/jabatan. Pembayaran ini menurun sebanyak RM151.01 juta atau 99% berbanding RM152.47 juta pada tahun 2021 yang melibatkan 300 baucar bayaran daripada 20 kementerian/jabatan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**  
**KEMENTERIAN/JABATAN YANG MEMBUAT BAYARAN**  
**DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	KEMENTERIAN/ JABATAN	BILANGAN BAUCAR		2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
		2022	2021			(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Premier Sarawak	92	10	1.05	0.06	0.99	1,650.0
2.	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar	11	196	0.16	18.77	(18.61)	(99.1)
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak	33	-	0.11	-	0.11	100.0
4.	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak	2	-	0.08	-	0.08	100.0
5.	Jabatan Kerja Raya	22	7	0.04	3.44	(3.40)	(98.8)
6.	Kementerian/Jabatan Lain*	10	87	0.02	130.2	(130.18)	(99.9)
<b>JUMLAH</b>		<b>170</b>	<b>300</b>	<b>1.46</b>	<b>152.47</b>	<b>(151.01)</b>	<b>(99.0)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Nota: (\*) - 15 kementerian/jabatan

- c. Sebanyak 160 sampel baucar bayaran berjumlah RM1.44 juta bagi lima kementerian/jabatan yang mencatatkan perbelanjaan tertinggi telah disemak untuk mengenal pasti punca berlakunya pembayaran di bawah AP 58(a). Antara sebab pembayaran dibuat ialah bil atau tuntutan lewat diterima, dokumen sokongan tidak lengkap dan baki peruntukan di peringkat kementerian/jabatan tidak mencukupi. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**PUNCA BAYARAN DIBUAT DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2022**


BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN BAUCAR DISEMAK	AMAUN (RM Juta)	PUNCA BAYARAN		
				a	b	c
1.	Jabatan Premier Sarawak	92	1.05	86	-	6
2.	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar	11	0.16	6	5	-
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak	33	0.11	-	33	-
4.	Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak	2	0.08	-	2	-
5.	Jabatan Kerja Raya	22	0.04	11	11	-
<b>JUMLAH</b>		<b>160</b>	<b>1.44</b>	<b>103</b>	<b>51</b>	<b>6</b>

Sumber: Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak

Nota:  
 a - Bil atau Tuntutan Lewat Diterima  
 b - Dokumen Sokongan Tidak Lengkap  
 c - Baki Peruntukan Tidak Mencukupi

- d. Analisis Audit terhadap pembayaran di bawah AP 58(a) bagi tempoh lima tahun menunjukkan trend yang menurun bagi tahun 2019 sehingga 2020 kemudian meningkat pada tahun 2021. Seterusnya berlaku penurunan yang ketara pada tahun 2022 iaitu sebanyak RM152.47 juta pada tahun 2021 menjadi RM1.46 juta atau 99% pada tahun 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3**  
**BAYARAN DI BAWAH AP 58(a)**  
**BAGI TAHUN 2018 HINGGA TAHUN 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak

- e. Selanjutnya, analisis Audit terhadap pembayaran di bawah AP58(a) mendapati 90 baucar bayaran berjumlah RM1.03 juta dibayar bagi tahun tanggungan 2000 hingga 2020 manakala 80 baucar berjumlah RM0.43 juta dibayar bagi tahun tanggungan 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**  
**PEMBAYARAN BAUCAR BAYARAN DI BAWAH AP58(a)**

BIL.	TAHUN TANGGUNGAN	BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM Juta)
1.	2000 - 2013	28	0.07
2.	2014 - 2020	62	0.96
3.	2021	80	0.43
<b>JUMLAH</b>		<b>170</b>	<b>1.46</b>

Sumber: Fail Baucar Bayaran, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

- f. Analisis Audit selanjutnya terhadap 34 baucar bayaran berjumlah RM0.50 juta sebelum tahun tanggungan 2021 mendapati **pembayaran bagi tahun tanggungan 2016 dan 2020 masing-masing berjumlah RM0.03 juta melibatkan lima baucar bayaran bagi Pembayaran Perkhidmatan Perubatan dan RM0.40 juta melibatkan satu baucar bayaran bagi pembelian tiket kapal terbang ke luar negeri telah dibayar walaupun peruntukan tahun berkenaan tidak mencukupi. Pembayaran ini bercanggah dengan peraturan AP 58(a). Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 24**.**

**JADUAL 24**  
**PEMBAYARAN BAUCAR BAYARAN DI BAWAH AP58(a)**

BIL.	TAHUN TANGGUNGAN	BILANGAN BAUCAR BAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	2000 - 2013	28	0.07	TM
2.	2016	5	0.03*	0.03**
3.	2020	1	0.40	0.00
<b>JUMLAH</b>		<b>34</b>	<b>0.50</b>	

Sumber: Fail Baucar Bayaran, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

Nota: (\*) Jumlah sebenar ialah RM31,609.03

(\*\*) Jumlah sebenar ialah RM27,227.22

TM - Tiada Maklumat

- g. Analisis Audit seterusnya terhadap pembayaran di bawah AP 58(a) bagi tahun tanggungan 2000 hingga 2013 mendapati tiada maklumat mengenai baki peruntukan bagi tahun tanggungan berkenaan dinyatakan dalam borang permohonan pembayaran di bawah AP 58(a). Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada baki peruntukan pada setiap tahun yang berkenaan adalah mencukupi dan pembayaran tersebut selaras dengan peraturan AP 58(a).

## **Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 11 April 2023**

Prosedur Operasi Standard pembayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2021 ke bawah adalah tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa.

Walaupun terdapat kod perbelanjaan yang tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi dalam tahun perbelanjaan itu kena bayar, kelulusan pembayaran oleh Setiausaha Kewangan Negeri adalah selaras dengan AP58 (a) (iv) – “Jika Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/Akauntan Negeri mendapati sebab-sebab kelewatan pembayaran itu tidak memuaskan, atau jika ada keraguan atau peruntukan tidak mencukupi, Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan kertas permohonan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri bagi mendapatkan kelulusan.”

Kelulusan pembayaran oleh Setiausaha Kewangan Negeri adalah dengan mengambil kira justifikasi yang kukuh dan faktor-faktor seperti berikut:

- i. Pengesahan dan perakuan oleh Pegawai Pengawal dengan mengambil kira komitmen yang telah dibuat dan berpuas hati dengan barang/perkhidmatan yang telah dibekalkan/diberikan oleh pembekal.
- ii. Maklumat baki bagi peruntukan tahun tanggungan dibuat adalah diperlukan dalam Borang Permohonan di bawah AP58 (a) yang dikeluarkan oleh SFS.
- iii. Permohonan untuk pembayaran dikaji dan dipertimbangkan dengan mengambil kira justifikasi yang kukuh dan munasabah selaras dengan prosedur dan peraturan kewangan semasa.
- iv. Pada masa yang sama, kelulusan pembayaran adalah dibuat dengan peringatan kepada Pegawai Pengawal. Antara lain peringatan kepada Pegawai Pengawal supaya mewujudkan kawalan dalaman yang lebih berkesan dan berhemah untuk mengelak perkara yang sama tidak berulang pada masa akan datang.

## **7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan selaras dengan Subseksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini diguna untuk mengakaunkan pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan sebelum dipindahkan kesemuanya kepada Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Oleh itu, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar pada akhir tahun 2022.

7.2. Pada tahun 2022, pinjaman yang diterima berjumlah RM191 juta berbanding sejumlah RM200.86 juta pada tahun 2021 iaitu penurunan sebanyak RM9.86 juta atau 4.9%. Penurunan ini disebabkan penurunan jumlah pinjaman bagi Projek Pembetungan Najis dan Perparitan menurun sebanyak RM71.20 juta atau 99.5% berbanding tahun 2021. Pinjaman yang diterima mengikut jenis projek dalam tahun 2022 berbanding tahun 2021 seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**  
**PINJAMAN YANG DITERIMA**  
**MENGIKUT JENIS PROJEK PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	JENIS PROJEK	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	154.08	102.79	51.29	49.9
2.	Pembetungan Najis dan Perparitan	0.37	71.57	(71.20)	(99.5)
3.	Projek Ladang	11.08	25.00	(13.92)	(55.7)
4.	Perindustrian	25.47	1.50	23.97	1,598.0
<b>JUMLAH</b>		<b>191.00</b>	<b>200.86</b>	<b>(9.86)</b>	<b>(4.9)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan merangkumi Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam, Akaun Deposit dan Akaun Kena Bayar. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Semua penerimaan dan pembayaran kumpulan wang ini diurus mengikut arahan dan terma rujukan amanah tersebut.

8.2. Pada tahun 2022, baki Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM5.424 bilion iaitu meningkat sebanyak RM639.13 juta atau 13.4% berbanding RM4.785 bilion bagi tahun 2021. Ini disebabkan peningkatan dalam baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berjumlah RM733.90 juta atau 17.6%. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 26**.

**JADUAL 26**  
**AKAUN AMANAH DISATUKAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

BIL.	BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	4,902.73	4,168.83	733.90	17.6
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	296.80	313.79	(16.99)	(5.4)
3.	Deposit	224.38	210.83	13.55	6.4
4.	Akaun Kena Bayar	-	91.33	(91.33)	(100)
<b>JUMLAH</b>		<b>5,423.91</b>	<b>4,784.78</b>	<b>639.13</b>	<b>13.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak


8.3. Kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tempoh lima tahun menunjukkan trend menurun dari tahun 2018 hingga 2019 serta meningkat dari tahun 2019 hingga 2022. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2022 berjumlah RM5.424 bilion mencatatkan baki tertinggi bagi tempoh lima tahun. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 27** dan **Carta 4**.

**JADUAL 27**  
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKNAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022**

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	3,727.69	2,795.47	3,265.73	4,168.83	4,902.73
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	235.83	271.98	307.82	313.79	296.80
3.	Deposit	138.03	154.46	181.26	210.83	224.38
4.	Akaun Kena Bayar	312.00	203.95	98.98	91.33	-
<b>JUMLAH</b>		<b>4,413.55</b>	<b>3,425.86</b>	<b>3,853.79</b>	<b>4,784.78</b>	<b>5,423.91</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak

**CARTA 4**  
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKNAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak

#### 8.4. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan diwujudkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963 melalui resolusi DUN dan hanya boleh digunakan bagi maksud ia diwujudkan. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Terdapat 73 akaun amanah perlu disediakan Penyata Akaun Tahunan dan sebanyak 27 daripadanya diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Sebanyak 18 daripada 27 akaun yang menyediakan Penyata Akaun Tahunan ini perlu disijilkan oleh Ketua Audit Negara.

8.4.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan penerimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2022 adalah RM4.903 bilion iaitu meningkat sebanyak RM733.90 juta atau 17.6% berbanding sejumlah RM4.169 bilion bagi tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 28**.

**JADUAL 28**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**  
**AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

BIL.	BUTIRAN	BILANGAN AKAUN AMANAH	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	<b>Kumpulan Wang Pembangunan</b>	-	1,635.95	697.87	938.08	134.4
<b>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</b>						
	a. Akaun Penyelesaian Kerajaan	10	(5.97)	(1.50)	(4.47)	(298.0)
2.	b. Akaun Dana Kontingensi	4	500.00	500.00	-	-
	c. Akaun Pinjaman	2	16.09	15.61	0.48	3.1
	d. Akaun Perniagaan	4	22.77	23.11	(0.34)	(1.5)
	e. Akaun Amanah Pelbagai	53	2,733.89	2,933.74	(199.85)	(6.8)
	<b>JUMLAH</b>	<b>73</b>	<b>4,902.73</b>	<b>4,168.83</b>	<b>733.90</b>	<b>17.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

## 8.5. Kumpulan Wang Pembangunan

8.5.1. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan dalam bentuk Geran Bayaran Balik, Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, Caruman dari Akaun Hasil Disatukan, Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan Agensi Lain serta terimaan Pelbagai Sumber. Perbelanjaan daripada kumpulan wang ini hanya boleh digunakan untuk maksud seperti yang ditentukan dalam akta tersebut.

8.5.2. Baki Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 2022 berjumlah RM1.636 bilion iaitu meningkat sebanyak RM938.08 juta atau 134.4% berbanding sejumlah RM697.87 juta bagi tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan penerimaan sejumlah RM7.201 bilion melebihi perbelanjaan berjumlah RM6.263 bilion dalam tahun 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 29**.

**JADUAL 29**  
**BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2022 (RM Juta)</b>	<b>2021 (RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
			<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
Baki Kredit Pada 1 Januari	697.87	509.52	188.35	37.0
Penerimaan	7,200.59	5,396.82	1,803.77	33.4
Perbelanjaan	6,262.51	5,208.47	1,054.04	20.2
Lebihan/(Kurangan)	938.08	188.35	749.73	398.1
<b>BAKI KREDIT PADA 31 DISEMBER</b>	<b>1,635.95</b>	<b>697.87</b>	<b>938.08</b>	<b>134.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

8.5.3. Pada tahun 2022, sejumlah RM3.290 bilion atau 52.5% daripada sejumlah RM6.263 bilion telah dibelanjakan oleh kementerian/jabatan untuk melaksanakan projek pembangunan. Baki sejumlah RM2.973 bilion atau 47.5% pula diagihkan kepada Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund. Pengagihan dibuat melalui geran pembangunan kepada agensi yang diluluskan untuk membiayai pembayaran balik pinjaman pelaburan, projek strategik dan nota tebus daripada institusi luar selaras dengan tujuan penubuhan akaun amanah berkenaan.

8.5.4. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 2022 berjumlah RM7.201 bilion iaitu meningkat sebanyak RM1.804 bilion atau 33.4% berbanding terimaan bagi tahun 2021. Terimaan ini terdiri daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM46.49 juta; Caruman dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM6.600 bilion; Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM190.99 juta; Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan Agensi Lain berjumlah RM114.58 juta serta terimaan daripada Pelbagai Sumber berjumlah RM248.53 juta. Terimaan Pelbagai Sumber antaranya ialah penebusan Syer Keutamaan Boleh Tebus berjumlah RM212.68 juta; pemulangan peruntukan pembangunan dan projek yang telah disalurkan kepada agensi pelaksana berjumlah RM24.44 juta; pemulangan lebihan dana RM8 juta; penjualan syer atau pengeluaran ekuiti berjumlah RM1.73 juta dan pelarasan Cek Terbatal berjumlah RM1.68 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 30**.

**JADUAL 30**  
**TERIMAAN KUMPULAN WANG**  
**PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

<b>BIL.</b>	<b>JENIS TERIMAAN</b>	<b>2022 (RM Juta)</b>	<b>2021 (RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
				<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
1.	<b>Pemberian Kerajaan Persekutuan</b>				
	a. Geran Bayaran Balik	9.38	8.04	1.34	16.7
	b. Geran Infrastruktur	37.11	37.11	-	-

BIL.	JENIS TERIMAAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
2.	<b>Sumber Lain</b>				
	a. Caruman dari Akaun Hasil Disatukan	6,600.00	5,000.00	1,600.00	32.0
	b. Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan	190.99	200.86	(9.87)	(4.9)
	c. Bayaran Balik Pinjaman daripada Badan Berkanun Negeri dan Agensi Lain	114.58	104.24	10.34	9.9
	d. Pelbagai Sumber	248.53	46.57	201.96	433.7
<b>JUMLAH</b>		<b>7,200.59</b>	<b>5,396.82</b>	<b>1,803.77</b>	<b>33.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

### 8.5.5. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-12

- Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) digubal untuk memenuhi dasar dan strategi pembangunan negeri bagi tempoh lima tahun (2021 hingga 2025). Pelaksanaan projek baharu dan sambungan daripada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) adalah sebagai penggerak kepada pembangunan Negeri Sarawak. Pemantauan yang cekap dan berkesan terhadap projek pembangunan ini adalah penting untuk menjamin pelaksanaan yang lancar dan diuruskan secara konsisten di semua peringkat. Penyelesaian yang cekap dan berkesan adalah perlu bagi memastikan semua program dan projek dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan.
- Laporan Senarai Projek RMKe-12 yang disediakan oleh Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU) menunjukkan siling peruntukan RMKe-12 bagi tempoh tahun 2021 hingga 2025 yang telah diluluskan berjumlah RM29.997 bilion kepada 13 kementerian/jabatan bagi melaksanakan projek di bawah RMKe-12. Sejumlah RM11.456 bilion atau 38.2% telah dibelanjakan setakat 31 Disember 2022. Butiran terperinci siling peruntukan berbanding perbelanjaan kumulatif bagi projek RMKe-12 sehingga 31 Disember 2022 seperti dalam **Jadual 31**.

**JADUAL 31**  
**SILING PERUNTUKAN BERBANDING**  
**PERBELANJAAN KUMULATIF BAGI PROJEK RMKe-12 SEHINGGA 31 DISEMBER 2022**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	20,627.86	7,816.52	37.9
2.	Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan	3,364.06	1,376.25	40.9
3.	Jabatan Premier Sarawak	1,585.32	1,120.87	70.7
4.	Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar	1,017.65	301.90	29.7
5.	Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	820.91	172.77	21.0
6.	Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi	820.28	89.37	10.9

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	PERATUS (%)
7.	Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah	540.70	154.45	28.6
8.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan	404.80	187.46	46.3
9.	Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan	359.49	132.69	36.9
10.	Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat	235.51	55.72	23.7
11.	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti	79.90	25.57	32.0
12.	Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan	72.17	12.33	17.1
13.	Kementerian Pengangkutan	68.20	10.00	14.7
<b>JUMLAH</b>		<b>29,996.85</b>	<b>11,455.90</b>	<b>38.2</b>

Sumber: Laporan Senarai Projek RMKe-12, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

### 8.5.6. Prestasi Perbelanjaan Projek Pembangunan RMKe-12

- a. Perbelanjaan pembangunan dalam tahun 2022 adalah berjumlah RM6.263 bilion berbanding sejumlah RM5.208 bilion pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM1.054 bilion atau 20.2%. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 32**.

**JADUAL 32**  
**PRESTASI PERBELANJAAN**  
**PROJEK PEMBANGUNAN DALAM TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	4,504.77	3,318.75	1,186.02	35.7
2.	Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan	642.75	734.60	(91.85)	(12.5)
3.	Jabatan Premier Sarawak	522.85	598.02	(75.17)	(12.6)
4.	Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar	142.76	159.14	(16.38)	(10.3)
5.	Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah	101.51	52.93	48.58	91.8
6.	Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	95.42	77.34	18.08	23.4
7.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan	88.22	99.24	(11.02)	(11.1)
8.	Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat	50.32	5.40	44.92	831.9
9.	Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan	44.83	94.87	(50.04)	(52.7)
10.	Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi	37.84	51.53	(13.69)	(26.6)
11.	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti	15.93	9.63	6.30	65.4
12.	Kementerian Pengangkutan	10.00	-	10.00	100.0
13.	Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan	5.30	7.03	(1.73)	(24.6)
<b>JUMLAH</b>		<b>6,262.50</b>	<b>5,208.48</b>	<b>1,054.02</b>	<b>20.2</b>

Sumber: Laporan Senarai Projek RMKe-12, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

- b. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM7.609 bilion kepada 13 kementerian/jabatan bagi melaksanakan projek di bawah RMKe-12. Sejumlah RM6.263 bilion atau 82.3% daripada peruntukan

telah dibelanjakan. Analisis Audit mendapati sebanyak tiga kementerian/jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan melebihi 80% iaitu Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri, Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar serta Jabatan Premier Sarawak. Prestasi perbelanjaan bagi 10 kementerian/jabatan lain adalah antara 22.5% hingga 69.2%. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 33**.

**JADUAL 33**  
**PERBANDINGAN PERUNTUKAN DILULUSKAN**  
**DENGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DALAM TAHUN 2022**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	97	5,020.75	4,504.77	89.7
2.	Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar	82	161.53	142.76	88.4
3.	Jabatan Premier Sarawak	103	627.60	522.85	83.3
4.	Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat	34	72.71	50.32	69.2
5.	Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan	214	942.99	642.75	68.2
6.	Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah	117	151.90	101.51	66.9
7.	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti	15	24.18	15.93	65.9
8.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan	56	137.41	88.22	64.2
9.	Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	284	202.50	95.42	47.1
10.	Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi	42	91.27	37.84	41.5
11.	Kementerian Pengangkutan	13	27.65	10.00	36.1
12.	Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan	31	124.93	44.83	35.9
13.	Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan	16	23.58	5.30	22.5
<b>JUMLAH</b>		<b>1,104</b>	<b>7,609.00</b>	<b>6,262.50</b>	<b>82.3</b>

Sumber: Laporan Senarai Projek RMKe-12, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

### 8.5.7. Status Pelaksanaan Projek Fizikal

- Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah melaksanakan 745 projek bernilai RM7.310 bilion termasuk 339 projek sambungan RMKe-11 yang berjumlah RM4.882 bilion. Projek ini meliputi 102 pembinaan/naik taraf jalan, 113 pembinaan bangunan/fasiliti, 62 penyenggaraan/baik pulih/naik taraf, 42 pengairan/saliran/pembetungan, 36 jambatan/jeti/dermaga, 31 bekalan air, 72 penempatan semula/perluasan kampung, 31 kemudahan infrastruktur asas dan 256 projek lain seperti pengurusan sisa buangan, kawasan perindustrian, tebingan sungai/tembok sungai, landskap, lampu jalan/lampu trafik, pasar, pertanian/pembangunan penternakan/fasiliti, pembangunan keusahawanan dan lain-lain.


b. Sebanyak 182 atau 24.4% daripada 745 projek bernilai RM1.278 bilion atau 17.5% berjaya disiapkan dalam tahun 2022 manakala **13 projek bernilai RM125.65 juta berstatus Belum Mula, 339 projek bernilai RM2.956 bilion berstatus Masih Dalam Perancangan dan 211 projek bernilai RM2.950 bilion berstatus Sedang Dalam Pelaksanaan.** Prestasi pelaksanaan projek fizikal RMKe-12 dalam tahun 2022 seperti dalam **Jadual 34** dan **Carta 5**.

**JADUAL 34**  
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK FIZIKAL RMKe-12 DALAM TAHUN 2022**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK				
		JUMLAH PROJEK	BELUM MULA	DALAM PERANCANGAN	SEDANG DILAKSANA	SIAP DILAKSANA
1.	Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	261	9	110	91	51
2.	Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan	184	-	70	53	61
3.	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	61	-	24	16	21
4.	Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar	56	-	32	11	13
5.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan	43	-	31	9	3
6.	Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi	37	4	17	9	7
7.	Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah	29	-	14	6	9
8.	Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan	27	-	13	6	8
9.	Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan	16	-	12	3	1
10.	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti	10	-	1	3	6
11.	Jabatan Premier Sarawak	9	-	5	2	2
12.	Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat	7	-	5	2	-
13.	Kementerian Pengangkutan	5	-	5	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>745</b>	<b>13</b>	<b>339</b>	<b>211</b>	<b>182</b>

Sumber: Laporan Senarai Projek, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

**CARTA 5**  
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK FIZIKAL RMKE-12 DALAM TAHUN 2022**



Sumber: Laporan Senarai Projek, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

- c. Sehingga akhir tahun 2022, terdapat 13 projek masih berstatus Belum Mula bernilai RM125.65 juta daripada 745 projek yang diluluskan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 35**.

**JADUAL 35**  
**PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK BELUM MULA BAGI TEMPOH LIMA TAHUN**

TAHUN	BILANGAN PROJEK BELUM MULA	PERUNTUKAN KUMULATIF (RM Juta)	PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	NILAI SKIM (RM Juta)
2018	45	23.90	0.40	339.34	1,851.35
2019	35	63.17	93.70	329.41	1,521.83
2020	20	256.66	214.19	268.41	2,013.15
2021	64	2.70	1.10	552.45	2,203.00
2022	13	12.40	0.00	125.65	989.85

Sumber: Laporan Senarai Projek RMKe-12, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

- d. Analisis Audit terhadap tiga daripada 13 projek belum mula yang bernilai RM3 juta dan ke atas mendapati projek tersebut tidak menunjukkan sebarang perbelanjaan sehingga akhir tahun 2022. Baki 10 projek lain pula masih belum menerima peruntukan sehingga akhir tahun 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 36**.

**JADUAL 36**  
**PROJEK BELUM MULA MELEBIHI NILAI RM3 JUTA SEHINGGA TAHUN 2022**

BIL.	NAMA PROJEK	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN		SEBAB BELUM DILAKSANAKAN
				(RM Juta)	(%)	
1.	Saluran Utama dari Batu 7 ke Kastam Samajaya	3.00	0.50	-	-	Projek dibawa ke tahun 2023 kerana masalah laluan yang baharu belum ditetapkan dan masih menunggu kerja survei yang baharu disebabkan perubahan di jalan Batu 7 yang sedang dinaik taraf.
2.	Membaikpulih Loji 1 di Batu Kitang	10.00	3.90	-	-	Projek diluluskan pada pertengahan tahun 2022 dan dalam proses pelantikan juruperunding. Projek ini akan dimulakan pada tahun 2023.
3.	Pembinaan Tangki Takungan Air Bukit Pancur	15.00	8.00	-	-	Projek dalam proses pengambilan tanah di bawah Jabatan Tanah dan Survei. Kerja hanya dapat dijalankan pada tahun 2023.
<b>JUMLAH</b>		<b>28.00</b>	<b>12.40</b>	-	-	

Sumber: Laporan Senarai Projek RMKe-12, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

### 8.5.8. Projek Berstatus Dalam Perancangan

- a. Sebanyak 339 projek berstatus Dalam Perancangan bernilai RM2.956 bilion atau 45.5% daripada 745 projek. **Projek ini meliputi 105 projek berjumlah RM1.455 bilion di bawah RMKe-11** dan 234 projek bernilai RM1.501 bilion di bawah RMKe-12. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 37**.

**JADUAL 37**  
**PROJEK DALAM PERANCANGAN DI BAWAH RMKe-11 DAN RMKe-12**

PERKARA	BILANGAN PROJEK	SILING PROJEK (RM Juta)
RMKe-11	105	1,455.39
RMKe-12	234	1,500.89
<b>JUMLAH</b>	<b>339</b>	<b>2,956.28</b>

Sumber: Laporan Senarai Projek, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

- b. **Sebanyak 48 projek atau 45.7% daripada 105 Projek Dalam Perancangan yang ada transaksi perbelanjaan berjumlah RM111.41 juta adalah di bawah RMKe-11 manakala 52 daripada 234 projek atau 22.2% pula di bawah RMKe-12 berjumlah RM205.58 juta. Analisis Audit terhadap 14 daripada 100 projek Dalam Perancangan mendapat siling peruntukan berjumlah RM732.49 juta telah diluluskan antara tahun 2016 hingga 2022 di mana sejumlah**

**RM243.12 juta telah dibelanjakan walaupun projek masih di peringkat Dalam Perancangan.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 38.**

**JADUAL 38**  
**PROJEK DALAM PERANCANGAN DI BAWAH RMKe-12 SEHINGGA TAHUN 2022**

BIL.	NAMA PROJEK	TAHUN PROJEK DILULUSKAN	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	CATATAN
<b>Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan</b>					
1.	Cadangan Pembinaan Jambatan Julur Imbangan, Batang Kemena di Sebauh, Bintulu	2022	75.00	34.15	Prestasi kontraktor tidak memuaskan dan kontrak ditamatkan pada prestasi fizikal sebenar sebanyak 49.3% dengan perbelanjaan sebanyak 22% daripada jumlah kontrak. Projek ini ditender semula kepada <i>Rescue Contractor</i> .
2.	Cadangan Pembinaan Jalan Nanga Ibau / Ulu Sg. Ibau, Bahagian Kapit, Sarawak	2022	55.05	18.54	Prestasi kontraktor tidak memuaskan dan kontrak ditamatkan pada prestasi fizikal sebenar sebanyak 53.9% dengan perbelanjaan sebanyak 38% daripada jumlah kontrak. Projek ini ditender semula kepada <i>Rescue Contractor</i> .
3.	Pembekalan, Pemasangan dan Pentaulahan Kren untuk Lembaga Pelabuhan Kuching	2021	70.00	50.00	Peruntukan sebanyak RM50 juta telah disalurkan kepada Lembaga Pelabuhan Kuching. Projek akan dimulakan pada 3 Februari 2023 dan dijangka siap pada 26 April 2024.
4.	Kerja-Kerja Pembaikan Kegagalan Cerun di Pelbagai Lokasi Sepanjang Jalan Negeri	2021	15.80	6.66	Terdapat 3 projek yang masih dalam tender dan 30 projek yang telah dilaksanakan dengan status 26 projek sudah siap dan 4 projek dalam pembinaan.
<b>Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri</b>					
5.	Pembangunan Kemudahan dan Infrastruktur Universiti Curtin Malaysia	2021	40.20	40.20	Peruntukan yang disalurkan adalah suntikan modal untuk meningkatkan pegangan Kerajaan Sarawak melalui Yayasan Sarawak dalam Curtin University Miri.
6.	Centre of Technical Excellence Digital Academy	2021	30.00	30.00	Peruntukan yang diberi telah digunakan untuk menaik taraf beberapa program latihan selaras dengan inisiatif Kerajaan Sarawak yang fokus terhadap ekonomi digital.
<b>Kementerian Pendidikan, Sains dan Teknologi</b>					
7.	Taman Bioindustri dan Pusat Komersial Bioproses	2022	50.00	4.00	Projek dalam peringkat perancangan dan perbelanjaan RM4 juta merupakan bayaran juruperunding. Pihak JKR masih belum mengeluarkan surat lantikan kerana masih

BIL.	NAMA PROJEK	TAHUN PROJEK DILULUSKAN	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	CATATAN
					dalam proses penilaian kewangan dan teknikal bagi cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak juruperunding.
8.	Sarawak Infectious Disease Centre	2021	191.48	22.63	Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD) telah meluluskan peruntukan RM22.26 juta kepada Sarawak Research and Development Council (SRDC).
<b>Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan</b>					
9.	Pengurusan Tapak Pelupusan Sampah	2022	40.00	8.00	Perbelanjaan tersebut adalah untuk bayaran kos pengambilan balik tanah sejumlah RM5.2 juta. Bayaran kos khidmat juruperunding, kerja penyiasatan tanah, survei dan lain-lain sejumlah RM1.19 juta.
<b>Jabatan Premier Sarawak</b>					
10.	Markas Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Negeri, Bintulu	2021	20.00	6.65	Projek masih di peringkat perancangan dan menunggu kelulusan pelantikan perunding.
<b>Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar</b>					
11.	Pembinaan Infrastruktur Utama dan Kerja-kerja Lain di Bandar Baru Serian	2021	28.00	4.98	Projek akan ditender semula pada bulan Jun 2023.
12.	Projek Pembangunan Semula Jepak	2021	10.00	5.55	Sejumlah RM2.8 juta dibelanjakan untuk kajian pelan induk (termasuk kajian penilaian impak sosial) yang telah dilaksanakan pada bulan Mei 2021. Sejumlah RM2.75 juta pula dibelanjakan untuk pampasan tanaman dan infrastruktur.
13.	Pembangunan dan Penaitarafan Kemudahan Bersepadu di Kawasan Terlindung Sepenuhnya (TPA) Yang Terpilih	2021	6.96	6.00	Peruntukan yang diluluskan bagi membiayai 3 projek iaitu Taman Negara Maludam, Stesen Renjer di Tapak Ramsar, Taman Negara Tanah Lembap Kuching dan Kuarters Pekerja dan Utiliti di Taman Negara Loagan Bunut.
<b>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi</b>					
14.	Bekalan Air Wilayah Serian Fasa 2	2016	100.00	5.76	Perbelanjaan adalah bagi kerja penyiasatan tanah (RM54,793), Kerja Survei Kejuruteraan (RM3.65 juta), dan Yuran Profesional (RM2.05 juta).
<b>JUMLAH</b>			<b>732.49</b>	<b>243.12</b>	

Sumber: Laporan Senarai Projek, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

### 8.5.9. Projek Sedang Dilaksanakan

- a. Sehingga akhir tahun 2022, sebanyak 211 projek fizikal berjumlah RM2.950 bilion adalah berstatus Sedang Dilaksanakan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 39**.

**JADUAL 39**  
**STATUS PROJEK FIZIKAL**  
**SEDANG DILAKSANAKAN BAGI RMKe-12 DALAM TAHUN 2022**

BIL.	STATUS	BILANGAN PROJEK	AMAUN (RM Juta)
1.	Ikut Jadual	147	1,916.35
2.	Dahulu Jadual	24	342.69
3.	Lewat Jadual	16	248.61
4.	Lewat Jadual Kritikal	24	442.35
<b>JUMLAH</b>		<b>211</b>	<b>2,950.00</b>

Sumber: Laporan Senarai Projek, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

- b. Menurut rekod yang disediakan oleh Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak **mendapati 16 projek atau 7.6% daripada 211 projek fizikal yang Sedang Dilaksanakan merupakan projek Lewat Jadual**. Antara sebab Projek Lewat Jadual adalah **disebabkan kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek, isu logistik, prestasi pihak kontraktor, kekurangan tenaga kerja, kekurangan bahan binaan, isu pengambilan tanah dan perubahan cuaca**. Butiran lanjut bagi lima daripada 16 Projek Lewat Jadual bernilai RM10 juta dan ke atas seperti dalam **Jadual 40**.

**JADUAL 40**  
**PROJEK LEWAT JADUAL DALAM TAHUN 2022**

BIL.	NAMA PROJEK	PRESTASI FIZIKAL (%)			PERUNTUKAN KUMULATIF (RM Juta)	PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	SEBAB PROJEK LEWAT JADUAL
		RANCANG	SEBENAR	VARIAN				
<b>Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan</b>								
1.	Pembinaan Jalan Kampung Tuie/ Kampung Suri, Betong	100.00	84.83	(15.17)	24.70	21.61	23.50	• Kekurangan tenaga kerja. • Kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan oleh kontraktor.
2.	Cadangan Pembinaan Jalan Nanga Kesit - Ulu Lemanak - Jalan Engkari, Lubok Antu, Sri Aman	44.99	31.34	(13.65)	25.73	15.82	36.50	• Perubahan dalam reka bentuk jalan.

BIL.	NAMA PROJEK	PRESTASI FIZIKAL (%)			PERUNTUKAN KUMULATIF (RM Juta)	PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	SEBAB PROJEK LEWAT JADUAL
		RANCANG	SEBENAR	VARIAN				
3.	Pusat Persidangan bagi Bandar Baharu Serian	100.00	94.37	(5.63)	70.00	53.51	87.00	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kontraktor lewat memulakan kerja di tapak.</li> <li>Kekurangan bahan binaan.</li> </ul>
4.	Membina Jalan Baru Tatau ke Kuala Tatau	100.00	88.17	(11.83)	26.92	14.19	29.00	<ul style="list-style-type: none"> <li>Isu tanah.</li> <li>PKP</li> <li>Keburukan cuaca yang luar biasa.</li> <li>Kelemahan prestasi kontraktor.</li> </ul>
<b>Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan</b>								
5.	Kluster Perniagaan Kecil dan Sederhana Samalaju	100.00	89.02	(10.93)	20.08	17.09	22.00	<ul style="list-style-type: none"> <li>Cuaca buruk yang luar biasa.</li> <li>Pelebaran jalan masuk.</li> <li>Pemindahan semula perkhidmatan di bawah penilaian pihak Kementerian.</li> </ul>
<b>JUMLAH</b>					<b>167.43</b>	<b>122.22</b>	<b>198.00</b>	

Sumber: Laporan Senarai Projek RMKe-12, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

c. Pada tahun 2022, **24 projek atau 11.4% daripada 211 projek fizikal yang Sedang Dilaksanakan merupakan Projek Lewat Jadual Kritikal berjumlah RM442.35 juta (Siling Peruntukan).** Prestasi Perbelanjaan Projek Lewat Jadual Kritikal bagi tahun 2018 hingga 2022 seperti dalam **Jadual 41.**

#### **JADUAL 41 PRESTASI PERBELANJAAN PROJEK LEWAT JADUAL KRITIKAL BAGI TEMPOH 2018 HINGGA 2022**

TAHUN	BILANGAN PROJEK LEWAT JADUAL KRITIKAL	PERUNTUKAN KUMULATIF (RM Juta)	PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	NILAI SKIM (RM Juta)
2018	13	64.69	22.23	339.34	1,851.35
2019	28	271.78	149.66	329.41	1,521.83
2020	40	903.62	469.80	268.41	2,013.15
2021	30	320.05	125.41	788.01	1,915.36
<b>2022</b>	<b>24</b>	<b>378.02</b>	<b>153.87</b>	<b>442.35</b>	<b>1,821.54</b>

Sumber: Laporan Senarai Projek, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

d. Analisis Audit mendapati **21 Projek Lewat Jadual Kritikal adalah di bawah RMKe-11 manakala tiga projek di bawah RMKe-12.** Antara punca Projek Lewat Jadual Kritikal adalah disebabkan kelemahan prestasi pihak kontraktor, isu reka bentuk projek, isu logistik, kekurangan tenaga kerja, isu pengambilan tanah, penjajaran semula tapak sempadan, cuaca buruk luar biasa, banjir, isu bahan binaan, sekatan jalan raya serta aktiviti pembinaan terjejas oleh PKP.

Butiran lanjut bagi 13 daripada 24 Projek Lewat Jadual Kritikal yang bernilai RM5 juta dan ke atas seperti dalam **Jadual 42.**

**JADUAL 42**  
**SENARAI PROJEK LEWAT JADUAL KRITIKAL DI BAWAH RMKe-12**

BIL.	NAMA PROJEK / KATEGORI	TARIKH PROJEK MULA	TARIKH PROJEK DIJANGKA SIAP	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PENCAPAIAN		SEBAB LEWAT JADUAL KRITIKAL
					PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	FIZIKAL (%)	
<b>Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan</b>							
1.	Cadangan Pembinaan Jambatan Sungai Limbang, Jambatan Sungai Bunut No. 2, Jalan Penghubung, Bahagian Limbang - Jambatan/Jeti/Dermaga	27.10.2017	26.02.2021	110.00	28.46	55.00	Kelemahan prestasi pihak kontraktor.
2.	Cadangan Pembinaan Jalan Nanga Meruan/Nanga Setepus, Bahagian Kapit - Pembinaan/ Naik Taraf Jalan	24.01.2019	23.07.2021	44.00	24.10	85.58	• Kelemahan prestasi pihak kontraktor. • Cuaca buruk yang luar biasa.
3.	Pembinaan Jalan Dari Marudi Ke Mulu Melalui Long Terawan - Pembinaan/ Naik Taraf Jalan	25.03.2019	24.09.2021	40.00	8.29	54.67	• Kelemahan prestasi pihak kontraktor. • Tiada aktiviti di tapak sejak 15 Mac 2022.
4.	Jalan Baharu Matang - Pembinaan/ Naik Taraf Jalan	27.03.2019	24.03.2021	22.40	7.76	9.60	Kelemahan prestasi pihak kontraktor.
5.	Jalan Ulu Tubai Menuju ke Mentawai/ Gunung Buda - Pembinaan/ Naik Taraf Jalan	05.04.2019	04.10.2021	43.50	7.91	62.71	• Kelemahan prestasi pihak kontraktor. • Isu reka bentuk . • Isu menyedia dan menghantar bahan binaan.
6.	Membina Jalan Kampung Igan Ke Rumah Panjang Sungai Ilas dan Kampung Sah, Kebauw, Batang Igan - Pembinaan/Naik Taraf Jalan	04.05.2019	10.04.2021	25.00	19.14	64.38	• Kelemahan prestasi pihak kontraktor. • PKP. • Isu pampasan tanah. • Sekatan ke atas tanah oleh penduduk tempatan yang menuntut pampasan ke atas tanaman mereka.

BIL.	NAMA PROJEK/ KATEGORI	TARIKH PROJEK MULA	TARIKH PROJEK DIJANGKA SIAP	SILING PERUNTUKAN (RM Juta)	PENCAPAIAN		SEBAB LEWAT JADUAL KRITIKAL
					PERBELANJAAN KUMULATIF (RM Juta)	FIZIKAL (%)	
<b>Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan</b>							
7.	Kawasan Perindustrian Rantau Panjang, Fasa 2 - Kawasan Perindustrian	05.11.2020	30.06.2023	12.50	0.32	35.00	Projek tidak dapat dimulakan kerana tidak mendapat akses dari projek JKR. Kontraktor telah mulakan kerja pada 16 Jun 2022.
8.	Kawasan Perindustrian Sematan - Kawasan Perindustrian	08.10.2020	30.06.2024	19.00	9.31	31.30	Projek akan ditender semula. Kontraktor asal dalam proses penamatan kontrak.
9.	Anjung Usahawan Sundar - Pembinaan Bangunan/Fasiliti	11.09.2020	31.03.2023	5.50	2.64	78.00	Kelewatan pada kerja penurapan jalan kerana kekurangan pembekal premix di daerah Lawas.
10.	Anjung Usahawan Gedong - Pembinaan Bangunan/Fasiliti	07.01.2021	02.04.2023	5.50	3.56	78.25	Disebabkan terdapat pindaan pada perimeter tapak, kerja ukur perlu diselesaikan dahulu sebelum pihak ketiga dapat memulakan kerja pencawang.
<b>Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan</b>							
11.	Kampung Sukan Sarawak- Pembinaan Bangunan/Fasiliti	30.01.2018	31.12.2021	20.20	5.70	75.70	Kekurangan tenaga kerja.
<b>Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah</b>							
12.	Pembangunan Sungai Baji Taman Agro, Sarikei - Pembangunan Pertanian/ Penternakan	24.10.2020	05.08.2022	29.00	26.40	75.00	Penjajaran semula tapak sempadan.
<b>Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi</b>							
13	Cadangan Membina Kolam Penyimpanan 1,350,000m <sup>3</sup> Bendung Konkrit dan Tambak di Loji Rawatan Air dan Pemprosesan Air Mentah di Suai, Batu Niah	26.04.2019	16.09.2022	8.50	2.24	22.70	Projek dicadang untuk ditamatkan atas faktor pandemik dan banjir/perubahan drastik paras air sungai.
<b>JUMLAH</b>				<b>385.10</b>	<b>145.83</b>		

Sumber: Laporan Senarai Projek, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

### 8.5.10. Status Pelaksanaan Projek Bukan Fizikal

- Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah melaksanakan 359 projek di 12 kementerian/jabatan bernilai RM22.687 bilion. Sebanyak 167 daripada projek tersebut yang bernilai RM21.883 bilion merupakan sambungan projek di bawah RMKe-11. Sebanyak 192 projek bernilai RM804.49 juta merupakan projek di bawah RMKe-12. Keseluruhan projek yang dilaksanakan merangkumi 81 aktiviti

berkaitan kajian/penyelidikan; 72 projek pembangunan pertanian/perternakan; 63 berkaitan aktiviti program; 41 aktiviti berkaitan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT); 27 geran/pinjaman; 22 merupakan lain-lain aktiviti; 19 kerja permulaan; 17 pengambilan tanah/pampasan; 14 berkaitan aktiviti latihan/kursus; dua berkaitan landskap/laluan jalan kaki/taman dan satu berkaitan acara pelancongan/perayaan.


- b. Sebanyak 77 daripada 359 projek bernilai RM1.145 bilion merupakan Projek Bukan Fizikal telah siap dilaksanakan. Manakala 238 projek bernilai RM21.028 bilion berstatus Sedang Dilaksanakan dalam tahun 2022. Bagaimanapun, **sebanyak 44 projek bernilai RM514.71 juta masih belum dilaksanakan.** Prestasi pelaksanaan projek bukan fizikal dalam tahun 2022 seperti dalam **Jadual 43** dan **Carta 6**.

**JADUAL 43**  
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK BUKAN FIZIKAL RMKe-12 DALAM TAHUN 2022**

BIL.	KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PROJEK			
		BILANGAN PROJEK	BELUM DILAKSANA	SEDANG DILAKSANA	SIAP DILAKSANA
1.	Jabatan Premier Sarawak	94	22	59	13
2.	Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah	88	1	80	7
3.	Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri	36	5	15	16
4.	Kementerian Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan	30	1	25	4
5.	Kementerian Sumber Asli dan Pembangunan Bandar	26	1	20	5
6.	Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat	27	-	12	15
7.	Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	23	5	9	9
8.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan	13	1	7	5
9.	Kementerian Pengangkutan	8	7	-	1
10.	Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi	5	-	5	-
11.	Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti	5	1	4	-
12.	Kementerian Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan	4	-	2	2
<b>JUMLAH</b>		<b>359</b>	<b>44</b>	<b>238</b>	<b>77</b>

Sumber: Laporan Senarai Projek, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

**CARTA 6**  
**PRESTASI PELAKSANAAN**  
**PROJEK BUKAN FIZIKAL RMKe-12 PADA TAHUN 2022**



Sumber: Laporan Senarai Projek, Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri, Jabatan Premier Sarawak

### **Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 20 April 2023**

Sejumlah RM300 juta adalah Peruntukan Simpanan Luar Jangka, yang disimpan selaras dengan Seksyen 6, Akta Dana Pembangunan 1966 dan Arahan Perbendaharaan 21 yang menyatakan sekiranya terdapat keperluan peruntukan segera bagi sesuatu program/projek pembangunan yang tidak mencukupi atau jika terdapat keperluan peruntukan bagi program/projek yang baharu, peruntukan tersebut akan didahulukan dengan menggunakan Simpanan Luar Jangka.

Sejumlah RM13.75 juta adalah untuk program Low Income Family Empowerment (LIFE) bagi memperluaskan bantuan atau perkhidmatan untuk menangani isu-isu kemiskinan dalam kalangan komuniti pemuliharan rentan di Sarawak.

Manakala baki 42 projek masih belum dilaksanakan disebabkan pelbagai faktor seperti masih dalam proses melantik juruperunding, projek masih dalam kajian, dan peruntukan tidak mencukupi.

- c. Sebanyak 41 daripada 359 projek bukan fizikal melibatkan program pembangunan ICT yang terdiri daripada 22 projek bernilai RM52.30 juta merupakan sambungan di bawah RMKe-11 dan 19 projek bernilai RM79.50 juta di bawah RMKe-12. Pihak Audit juga mendapati **Projek Online Monitoring System for Kuching Centralised Sewerage System Sewer**

**Network bernilai RM0.50 juta di bawah RMKe-12 masih belum dilaksanakan sehingga akhir tahun 2022.**

### **Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 20 April 2023**

Pada 26 Mei 2022, Jawatankuasa Penilaian Projek ICT telah meluluskan skop dan kos projek. Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) menolak untuk mengeluarkan Letter of Award (LOA) dan menandatangani kontrak disebabkan JPP bertegas supaya sub-waran disalurkan kepada JPP. Pada 2 Disember 2022, JPP telah mengadakan perbincangan bersama SFS, Unit Pemodenan Perkhidmatan Negeri (SSMU), dan Unit Audit Dalam. Semua pihak sebulat suara bersetuju dengan permohonan JPP berkenaan penyaluran sub-waran. Pada 9 Januari 2023, JPP telah mengeluarkan surat untuk memohon sub-waran. Pada 27 Februari 2023, SSMU telah mengeluarkan sub-waran kepada JPP. Sehubungan itu, tiada perbelanjaan dibuat pada tahun 2022.

### **8.6. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian Kerajaan, Akaun Dana Kontingensi, Akaun Pinjaman, Akaun Perniagaan dan Akaun Amanah Pelbagai.

8.6.1. Pada tahun 2022, Kerajaan Negeri telah meluluskan satu akaun amanah baharu di bawah Seksyen 4, Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance, 1963 iaitu JBALB Unallocated Central Store Trust Fund dikendalikan oleh Jabatan Bekalan Air Luar Bandar. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 44**.

**JADUAL 44**  
**KUMPULAN WANG AMANAH/AKAUN AMANAH BAHARU**

NAMA AKAUN	PEGAWAI PENGAWAL	TUJUAN PENUBUHAN	BAKI PADA TAHUN 2022 (RM Juta)
JBALB Unallocated Central Store Trust Fund	Pengarah, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar	<ul style="list-style-type: none"><li>Menyediakan pelbagai jenis stok untuk tujuan bekalan air kepada JBALB dan agensi bekalan air lain di Sarawak. Perbelanjaan tidak boleh dicaj terus kepada vot berkenaan sekiranya permintaan yang tinggi disebabkan faktor ekonomi dan pentadbiran. Oleh itu, stok mesti disimpan untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi.</li><li>Dana ini hanya boleh digunakan untuk membeli stok bagi objek yang dinyatakan.</li><li>Stok tersebut boleh dijual kepada semua agensi bekalan air yang berkaitan di Sarawak, orang persendirian atau pertubuhan bukan kerajaan.</li></ul>	-

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak

8.6.2. Analisis Audit mendapati **lima daripada 73 akaun amanah sudah tidak aktif sejak tahun 1966, tahun 2002 dan tahun 2018. Empat akaun amanah berbaki debit sejumlah RM0.38 juta hingga sejumlah RM3.06 juta dan satu akaun amanah berbaki RM86,003.**

Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 45**.

**JADUAL 45**  
**AKAUN AMANAH YANG TIDAK AKTIF**

BIL.	NAMA AKAUN	BAKI PADA TAHUN 2022 (RM Juta)	CATATAN
1.	Akaun Amanah Projek Pembangunan SCORE: Pusat Pembangunan Halal Hub Tanjung Manis	0.09	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memandangkan Akaun Amanah Projek Pembangunan SCORE: Pusat Pembangunan Halal Hub Tanjung Manis tiada pergerakan dan tidak aktif, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak telah membuat permohonan penutupan Akaun Amanah ini kepada Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak melalui memorandum rasmi bertarikh 11 Januari 2023.</li> <li>Permohonan penutupan Akaun Amanah ini telah dipersetujui oleh Setiausaha Kewangan Negeri melalui memorandum rasmi bertarikh 15 Februari 2023.</li> </ul>
2.	Agensi Kerajaan Malaysia	(0.38)	
3.	Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia	(0.49)	
4.	Pengakap Sempadan	(0.62)	
5.	Operasi Tentera	(3.06)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Kerajaan Negeri telah mengemukakan surat susulan kepada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 12 Januari 2022 bagi mendapatkan maklum balas terhadap tuntutan baki akaun ini.</li> <li>Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rasmi bertarikh 11 Ogos 2022 memaklumkan sedang meneliti permohonan Kerajaan Negeri. Selain itu, memerlukan pandangan perundangan daripada Jabatan Peguam Negara untuk memuktamadkan keputusan ke atas permohonan ini.</li> <li>Jabatan Perbendaharaan Negeri telah mengemukakan Memorandum Rasmi bertarikh 12 Januari 2023 untuk memohon maklum balas status perkembangan terkini ke atas akaun ini.</li> <li>Tindakan susulan akan diambil bersama dengan pihak Kementerian Kewangan Malaysia bagi membolehkan akaun ini ditutup.</li> </ul>
<b>JUMLAH</b>		<b>(4.46)</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

8.6.3. Sebanyak dua akaun amanah iaitu Akaun Perniagaan Am dan Akaun Stor Tak Teruntuk telah ditutup pada tahun 2022. Ini adalah kerana akaun amanah tersebut sudah tidak aktif, berbaki sifar dan tidak lagi diperlukan.

#### **8.6.4. Akaun Penyelesaian Kerajaan**

- Arahan Perbendaharaan 153 menetapkan semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian Kerajaan yang diwujudkan.
- Pada tahun 2022, **keseluruhan Akaun Penyelesaian Kerajaan mencatatkan baki debit berjumlah RM5.97 juta** yang terdiri daripada Akaun Semasa Antara Pentadbiran berjumlah RM13.46 juta (debit), Akaun

Penyelesaian Utama Perbendaharaan berjumlah RM6.29 juta (kredit) dan Akaun Pendahuluan Persendirian (Pegawai Awam) berjumlah RM1.20 juta (kredit).

- c. Akaun Semasa Antara Pentadbiran **adalah berbaki debit berjumlah RM13.46 juta.** Analisis Audit mendapati baki tersebut meningkat sebanyak RM4.47 juta atau 49.7% berbanding sejumlah RM8.99 juta pada tahun 2021. Ini disebabkan perbelanjaan belum diimbuh balik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 46.**

**JADUAL 46**  
**BAKI AKAUN SEMASA ANTARA PENTADBIRAN**  
**PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	NAMA AKAUN	2022 (RM)	2021 (RM)	PERUBAHAN	
				(RM)	(%)
	Dana Diperuntukkan	1,160,000	1,160,000	-	-
1.	Akaun Penyelesaian Perbelanjaan Pembangunan Berbayar Balik	(10,048,825)	(5,568,551)	(4,480,274)	80.5
2.	Akaun Agensi Kerajaan Malaysia	(378,809)	(378,809)	-	-
3.	Akaun Agensi Kerajaan Brunei	(32,060)	(41,381)	9,321	(22.5)
4.	Pengakap Sempadan	(615,613)	(615,613)	-	-
5.	Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia	(485,016)	(485,016)	-	-
6.	Operasi Tentera	(3,062,643)	(3,062,643)	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>(13,462,966)</b>	<b>(8,992,013)</b>	<b>(4,470,953)</b>	<b>49.7</b>

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

- d. **Tujuh Akaun Penyelesaian Kerajaan berjumlah RM14.64 juta masih belum diselesaikan.** Analisis Audit mendapati empat daripada tujuh akaun tersebut iaitu **Pengakap Sempadan, Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia, Operasi Tentera dan Akaun Agensi Kerajaan Malaysia yang tidak aktif sejak tahun 1966 dan berbaki debit berjumlah RM4.55 juta.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 47.**

**JADUAL 47**  
**AKAUN PENYELESAIAN KERAJAAN YANG BELUM DISELESAIKAN PADA TAHUN 2022**

BIL.	NAMA AKAUN	2022 (RM Juta)	CATATAN
<b>Akaun Semasa Antara Pentadbiran</b>			
1.	Akaun Penyelesaian Perbelanjaan Pembangunan Berbayar Balik	(10.05)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akaun ini merupakan pendahuluan dan berbaki debit sehingga diselesaikan mengikut ketetapan.</li> <li>Enam surat susulan telah dikemukakan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pada tahun 2022 dan awal tahun 2023.</li> <li>Amaun ini merupakan perbelanjaan yang belum diimbuh balik oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi tahun 2020 dan 2022.</li> </ul>
2.	Pengakap Sempadan	(0.62)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pihak Kerajaan Negeri telah mengemukakan surat susulan kepada Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 12 Januari 2022 bagi mendapatkan maklum balas terhadap tuntutan baki</li> </ul>
3.	Pengakap Sempadan Sebelum Hari Malaysia	(0.49)	

BIL.	NAMA AKAUN	2022 (RM Juta)	CATATAN
4.	Operasi Tentera	(3.06)	akaun ini. • Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rasmi bertarikh 11 Ogos 2022 memaklumkan sedang meneliti permohonan Kerajaan Negeri. Selain itu, memerlukan pandangan perundangan daripada Jabatan Peguam Negara untuk memuktamadkan keputusan ke atas permohonan ini.
5.	Akaun Agensi Kerajaan Malaysia	(0.38)	• Jabatan Perbendaharaan Negeri telah mengemukakan Memorandum Rasmi bertarikh 12 Januari 2023 untuk memohon maklum balas status perkembangan terkini ke atas akaun ini.
6.	Akaun Agensi Kerajaan Brunei	(0.03)	• Jabatan Perbendaharaan Negeri telah menghantar empat laporan dan tuntutan secara suku tahunan kepada pihak agensi Kerajaan Brunei. • Baki setakat 31 Disember 2022 adalah RM32,059.67.
<b>Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan</b>			
7.	Pelarasan Cek Tendang	(0.01)	Baki setakat 27 Februari 2023 adalah RM9,436.80 dan amaun ini dalam proses untuk dihapus kira seperti mana yang dimohon oleh Jabatan Tanah dan Survei kepada Setiausaha Kewangan Negeri bertarikh 30 November 2021.
<b>JUMLAH</b>		<b>(14.64)</b>	

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

### 8.6.5. Akaun Dana Kontingensi

- Subseksyen 3(3) di bawah Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963 memperuntukkan kuasa kepada Ketua Menteri untuk membuat pendahuluan daripada Akaun Dana Kontingensi. Ini bertujuan untuk memenuhi keperluan segera dan tidak dijangka bagi perbelanjaan yang tidak diperuntukkan.
- Pada tahun 2022, perbelanjaan yang didahulukan daripada Akaun Dana Kontingensi adalah berjumlah RM179.84 juta iaitu menurun sebanyak RM380.61 juta atau 67.9% berbanding sejumlah RM560.45 juta bagi tahun 2021. Pendahuluan berjumlah RM179.84 juta daripada Akaun Dana Kontingensi telah diluluskan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pada 18 Mei 2023. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 48**.

**JADUAL 48**  
**PENDAHULUAN DANA KONTINGENSI PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	PERBELANJAAN	PENDAHULUAN TAHUN 2022 (RM Juta)	PENDAHULUAN TAHUN 2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Mengurus	179.84	478.84	(299.00)	(62.4)
2.	Pembangunan	-	81.61	(81.61)	(100.0)
<b>JUMLAH</b>		<b>179.84</b>	<b>560.45</b>	<b>(380.61)</b>	<b>(67.9)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

### **8.6.6. Akaun Pinjaman**

Akaun pinjaman terdiri daripada dua akaun iaitu The Conveyance, Computer and Household Appliances Advance Fund dan Conveyance Loans Scheme for Members of the Administration, Speaker and Members of Dewan Undangan Negeri. Baki Akaun Pinjaman meningkat kepada RM16.09 juta berbanding RM15.61 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini berikutan daripada penyelesaian pinjaman kakitangan awam.

#### **a. The Conveyance, Computer and Household Appliances Advance Fund**

- i. The Conveyance, Computer and Household Appliances Advance Fund telah diwujudkan pada 1 Januari 1996 dan mula berkuat kuasa pada 12 September 1996 di bawah Subseksyen 4(3) Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963. Operasi dan pengurusan akaun ini adalah di bawah tanggungjawab Unit Sumber Manusia Negeri, JPS. Tujuan penubuhan akaun ini adalah untuk membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer, Pinjaman Peti Sejuk, Pinjaman Dapur Masak/Ketuhar dan Pinjaman Mesin Basuh.
- ii. Pada tahun 2022, baki keseluruhan The Conveyance, Computer and Household Appliances Advance Fund bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 adalah berjumlah RM15.09 juta iaitu meningkat sebanyak RM0.46 juta atau 3.1% berbanding RM14.63 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan lebihan bayaran balik pinjaman kakitangan awam berjumlah RM0.49 juta berbanding jumlah pinjaman yang diluluskan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 49**.

**JADUAL 49**  
**BAKI AWAL DAN BAKI AKHIR PINJAMAN**  
**PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki pada 1 Januari	14.63	11.75	2.88	24.5
Terimaan	6.73	7.34	(0.61)	(8.3)
Perbelanjaan	6.27	4.46*	1.81	40.6
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>15.09</b>	<b>14.63</b>	<b>0.46</b>	<b>3.1</b>

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri

Nota: (\*) - Pinjaman baharu 2022:RM6.24 juta; 2021: RM4.38 juta

- iii. Analisis Audit terhadap **839 akaun peminjam berjumlah RM0.99 juta mendapat terdapat pinjaman tertunggak sejak tahun 1978 iaitu selama 528 bulan.** Tunggakan berlaku disebabkan

peminjam telah meninggal dunia, berpencen, berhenti kerja dan dibuang kerja. Terdapat juga peminjam yang masih berkerja tetapi dikenakan tindakan tatatertib. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 50**.

**JADUAL 50**  
**LAPORAN PENGUMURAN PENGHUTANG**

JENIS PINJAMAN	BILANGAN AKAUN PEMINJAM	JUMLAH TUNGGAKAN (BULAN)				
		1 - 72 (RM)	73 - 120 (RM)	121 - 240 (RM)	241 - 528 (RM)	JUMLAH (RM)
Pinjaman Kenderaan	218	85,857.51	63,978.99	62,465.99	121,368.09	333,670.58
Pinjaman Komputer	152	216,988.90	23,588.81	29,183.54	19,051.98	288,813.23
Pinjaman Peti Sejuk	209	92,101.95	18,410.52	22,026.38	26,433.44	158,972.29
Pinjaman Dapur Masak/ Ketuhar	123	76,639.72	12,149.02	12,268.14	1,680	102,736.88
Pinjaman Mesin Basuh	137	78,000.93	14,755.69	19,047.50	2,027.71	113,831.83
<b>JUMLAH</b>	<b>839</b>	<b>549,589.01</b>	<b>132,883.03</b>	<b>144,991.55</b>	<b>170,561.22</b>	<b>998,024.81</b>

Sumber: Rekod Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak

### Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 11 April 2023

Semakan dan pengemaskinian maklumat berterusan untuk tindakan penyelesaian serta mengeluarkan Surat Tuntutan Baki Pinjaman Tertunggak kepada peminjam.

#### 8.6.7. Akaun Perniagaan

- Pada tahun 2022, sebanyak empat akaun amanah yang diwujudkan di bawah Subseksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957 diselenggarakan oleh JKR bagi tujuan memberi perkhidmatan dan bekalan kepada kementerian/jabatan negeri dan persekutuan.
- Baki keseluruhan Akaun Perniagaan adalah berjumlah RM22.77 juta yang terdiri daripada Dana Diperuntukkan berjumlah RM14.75 juta dan empat Akaun Perniagaan berjumlah RM8.02 juta. Baki terkumpul ini menurun sebanyak RM0.34 juta atau 1.5% berbanding sejumlah RM8.36 juta pada tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 51**.

**JADUAL 51**  
**BAKI TERKUMPUL AKAUN PERNIAGAAN PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

BIL.	NAMA AKAUN AMANAH	2022	2021	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
	<b>Dana Diperuntukkan</b>	<b>14.75</b>	<b>14.75</b>	-	-
1.	The Vehicles and Plant Hire Account	5.88	7.20	(1.32)	(18.3)
2.	The Petrol, Oil and Lubricants Account	2.23	2.20	0.03	1.4
3.	The Plant Maintenance (Departmental) Account	-	(0.39)	0.39	(100)
4.	The Plant Maintenance (Development) Trust Account	(0.09)	(0.65)	0.56	(86.2)
	<b>JUMLAH</b>	<b>22.77</b>	<b>23.11</b>	<b>(0.34)</b>	<b>(1.5)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan berkenaan

### Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 11 April 2023

Punca berlakunya baki debit sejak tahun sebelumnya adalah seperti berikut;

- i. Harga alat ganti meningkat.
- ii. Kebanyakan jentera berat telah menjangkau usia melebihi 15 - 20 tahun yang secara langsung menyumbang kepada kos penyenggaraan yang tinggi.
- iii. Kebanyakan jentera juga telah digunakan untuk membina jalan raya (Projek Jalan Raya Similajau) yang mana tanahnya mengandungi nisbah garam yang tinggi. Ini telah menyebabkan kebanyakan jentera mengalami kadar karat yang tinggi turut melibatkan pertambahan kos penyenggaraan.
- iv. Sesetengah kawasan adalah luas menyebabkan kos perjalanan yang tinggi untuk melawat tapak dan seterusnya menyebabkan kos yang berkaitan juga meningkat.
- v. Kadar sumbangan adalah berdasarkan kos asal mesin. Sebilangan besar jentera berusia lebih dari 10 tahun. Oleh itu, kadar sumbangan berdasarkan kos asal adalah rendah.

Permohonan hapus kira bagi baki The Plant Maintenance (Development) Trust Account berjumlah RM94,753 telah diluluskan oleh pejabat Setiausaha Kewangan Negeri dan akan dihapus kira pada tahun 2023.

#### 8.6.8. Akaun Amanah Pelbagai

Pada tahun 2022, sebanyak 53 Penyata Akaun Tahunan Akaun Amanah Pelbagai berjumlah RM2.734 bilion iaitu menurun sebanyak RM199.85 juta atau 6.8%

berbanding RM2.934 bilion bagi tahun 2021. Ini disebabkan penurunan baki ketara dalam Tabung Bantuan Bencana Awam Negeri, Akaun Amanah Projek Pembangunan Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE) dan Tabung Perolehan Tanah Khas. Fokus analisis Audit telah dibuat terhadap sampel Akaun Amanah Pelbagai seperti berikut:

**a. Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund**

- i. Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund (Dana) ditubuhkan pada tahun 2005 di bawah Subseksyen 4(3) The Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963. Sumber Dana ini adalah daripada geran dan sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, orang perseorangan, organisasi dan orang awam serta faedah dan dividen. Pegawai Pengawal bagi Dana ini adalah Setiausaha Kewangan Negeri.
- ii. The Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963 menyatakan Dana ini digunakan untuk tujuan pelaburan yang diluluskan oleh Ketua Menteri. Selain itu, ia juga digunakan untuk membiayai projek yang dilaksanakan oleh agensi negeri, membeli aset untuk tujuan pelaksanaan projek dan menampung kos serta perbelanjaan yang berkaitan dengan tujuan pewujudan Dana ini.
- iii. Jumlah keseluruhan peruntukan yang diluluskan bagi Dana ini adalah RM2.793 bilion. Peruntukan yang diagihkan dalam tahun 2022 adalah untuk pembayaran balik pinjaman dan faedah bagi dua Nota Jaminan, dua Sukuk Murabahah dan dua Kemudahan Pinjaman Berjangka berjumlah RM2.793 bilion melibatkan enam Syarikat Berkaitan Kerajaan pada tahun tersebut. Butiran lanjut bayaran balik pokok dan faedah pinjaman seperti dalam **Jadual 52**.

**JADUAL 52**  
**BAYARAN BALIK POKOK DAN FAEDAH KE ATAS**  
**NOTA JAMINAN DAN SUKUK MURABAHAH PADA TAHUN 2022**

BIL.	SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK POKOK DAN FAEDAH (RM Juta)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
<b>Nota Jaminan</b>				
1.	SSG Capital Resources Sdn. Bhd. (USD800 Million 4.25% Due 2022)	424.21	424.21	100.0
2.	Equisar Sdn. Bhd. (USD800 Million Due 2026)	493.04	493.04	100.0

BIL.	SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN	PERUNTUKAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK POKOK DAN FAEDAH (RM Juta)	PERATUSAN PERBELANJAAN (%)
<b>Sukuk Murabahah</b>				
3.	Aquasar Capital Sdn. Bhd. (RM1.500 Billion Due 2029)	138.50	138.50	100.0
4.	Infracap Resources Sdn. Bhd. (RM15.000 Billion)	1,126.77	1,126.77	100.0
<b>Kemudahan Pinjaman Berjangka</b>				
5.	Infrasar Ventures Sdn. Bhd. (RM5.000 Billion)	405.77	405.77	100.0
6.	Infrasar Ventures Dua Sdn. Bhd. (RM4.700 Billion)	204.96	204.96	100.0
<b>JUMLAH</b>		<b>2,793.25</b>	<b>2,793.25</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Penyata Akaun Tahunan Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund

iv. Sehingga akhir tahun 2022, Dana ini mencatatkan baki terkumpul berjumlah RM756.55 juta iaitu peningkatan sebanyak RM183.27 juta atau 32% berbanding sejumlah RM573.28 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan pertambahan peruntukan yang diterima sejumlah RM1.516 bilion atau 104% iaitu sejumlah RM2.973 bilion pada tahun 2022 berbanding RM1.457 bilion pada tahun 2021. Butiran lanjut penerimaan dan bayaran seperti dalam **Jadual 53**.

**JADUAL 53**  
**KEDUDUKAN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN**  
**GOVERNMENT CONTRIBUTIONS TOWARDS APPROVED**  
**AGENCIES TRUST FUND PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	573.28	434.94	138.34	31.8
Penerimaan	2,972.68	1,456.88	1,515.80	104.0
Faedah Daripada Simpanan Tetap	3.84	7.41	(3.57)	(48.2)
Agihan Kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan	(2,793.25)	(1,325.95)	1,467.30	110.7
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>756.55</b>	<b>573.28</b>	<b>183.27</b>	<b>32.0</b>

Sumber: Penyata Akaun Tahunan Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund

v. Bagi tempoh tahuN 2018 hingga 2022 Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund telah menerima peruntukan berjumlah RM8.492 bilion daripada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri Sarawak dan sejumlah RM7.912 bilion diagih kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan. Analisis Audit mendapati faedah yang diterima daripada Simpanan Tetap melalui peruntukan yang diterima berjumlah RM3.84 juta menurun sebanyak RM3.57 juta atau 48.2% berbanding sejumlah RM7.41 juta pada tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 54**.

**JADUAL 54**  
**KEDUDUKAN TERIMAAN DAN BAYARAN**  
**GOVERNMENT CONTRIBUTIONS TOWARDS APPROVED**  
**AGENCIES TRUST FUND BAGI TAHUN 2018 HINGGA TAHUN 2022**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PENDAPATAN FAEDAH DARIPADA SIMPANAN TETAP (RM Juta)	AGIHAN KEPADА SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (RM Juta)
2018	1,399.05	8.05	1,270.28
2019	1,362.02	9.19	1,275.35
2020	1,301.65	11.31	1,247.28
2021	1,456.88	7.41	1,325.95
2022	2,972.68	3.84	2,793.25
<b>JUMLAH</b>	<b>8,492.28</b>	<b>39.80</b>	<b>7,912.11</b>

Sumber: Penyata Akaun Tahunan Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund

**Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 11 April 2023**

Faedah Simpanan Tetap yang diterima pada tahun 2022 kurang berbanding tahun 2021 berikutan jumlah pelaburan yang dibuat pada tahun 2021 adalah lebih tinggi iaitu RM350 juta berbanding hanya RM50 juta pada tahun 2022, walaupun secara puratanya kadar Faedah Simpanan Tetap adalah lebih rendah pada tahun 2021 iaitu 2.4% berbanding 4.1% pada tahun 2022.

- vi. Analisis trend terhadap penerimaan dan pembayaran mendapati penerimaan dan perbelanjaan pada tahun 2022 adalah yang tertinggi bagi tempoh lima tahun. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 55**.

**JADUAL 55**  
**BAKI GOVERNMENT CONTRIBUTIONS TOWARDS APPROVED**  
**AGENCIES TRUST FUND BAGI TAHUN 2018 HINGGA TAHUN 2022**

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	136.57	273.39	369.25	434.93	573.28
Penerimaan Termasuk Faedah	1,407.10	1,371.21	1,312.96	1,464.30	2,976.52
Pelaburan dan Obligasi Setiausaha Kewangan Negeri (Perbadanan)	(1,270.28)	(1,275.35)	(1,247.28)	(1,325.95)	(2,793.25)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>273.39</b>	<b>369.25</b>	<b>434.93</b>	<b>573.28</b>	<b>756.55</b>

Sumber: Penyata Akaun Tahunan Government Contributions Towards Approved Agencies Trust Fund

**b. The State Road Maintenance Fund**

- i. The State Road Maintenance Fund (Dana) diwujudkan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berdasarkan

Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 2(b) The State Road Maintenance Fund Direction 1995 bagi membiayai penyenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh JKR dan PBT. Akaun ini diwujudkan di bawah Subseksyen 4(3) The Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963 atas State Road Maintenance Fund Direction 1995 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 1995.

- ii. Pada tahun 2022, baki akhir Dana ini adalah berjumlah RM159.31 juta berbanding RM173.25 juta bagi tahun 2021 iaitu penurunan sebanyak RM13.94 juta atau 8%. Analisis trend menunjukkan penurunan ketara baki dana iaitu sejumlah RM495.27 juta pada tahun 2018 kepada RM146.55 juta pada tahun 2020 iaitu menurun sebanyak RM348.72 juta atau 70.4%. Bagaimanapun, Dana ini meningkat kepada RM173.25 juta pada tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak RM26.70 juta atau 18.2% berbanding tahun 2020. Perbandingan baki bagi tempoh lima tahun seperti dalam **Jadual 56**.

**JADUAL 56**  
**PERBANDINGAN BAKI**  
**THE STATE ROAD MAINTENANCE FUND BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022**

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	2022 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	625.60	495.27	240.71	146.55	173.25
Penerimaan	872.58	786.64	794.76	791.92	791.62
<b>TERIMAAN TERKUMPUL</b>	<b>1,498.18</b>	<b>1,281.91</b>	<b>1,035.47</b>	<b>938.47</b>	<b>964.87</b>
Agihan dan Peratus (%)	1,002.91 114.9	1,041.20 132.4	888.92 111.8	765.22 96.6	805.56 101.8
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>495.27</b>	<b>240.71</b>	<b>146.55</b>	<b>173.25</b>	<b>159.31</b>

Sumber: Penyata Akaun Tahunan The State Road Maintenance Fund

- iii. Pada tahun 2022, terdapat penerimaan geran daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM791.25 juta dan pelarasan akaun sejumlah RM0.37 juta. Sejumlah RM805.56 juta telah diagihkan kepada JKR, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Pertanian, Badan Berkanun Negeri (BBN) dan PBT. Pengagihan peruntukan dibuat kepada BBN iaitu Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) berjumlah RM1.75 juta serta Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah (LCDA) berjumlah RM1.50 juta. **Pengagihan kepada dua BBN ini adalah bercanggah dengan Perenggan 3(ii) The State Road Maintenance Fund Direction 1995 dan tujuan penubuhan dana ini serta Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri 3.0 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.**

iv. Panjang jalan yang berdaftar untuk Negeri Sarawak di bawah Malaysian Roads Records Information System (MARRIS) pada tahun 2022 adalah 30,509.87 kilometer berbanding 30,650.92 kilometer pada tahun 2021 iaitu pengurangan sebanyak 141.05 kilometer. **Bagaimanapun, agihan peruntukan bagi penyenggaraan jalan negeri meningkat daripada RM765.22 juta pada tahun 2021 kepada sejumlah RM805.56 juta tahun 2022.**

### **Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 11 April 2023**

Penyaluran geran tahun 2022 kepada SALCRA sejumlah RM1.75 juta dan LCDA sejumlah RM1.50 juta dibuat pada 11 Februari 2022, iaitu sebelum pemerhatian Audit dikeluarkan pada 13 April 2022. Setelah mengambil kira pemerhatian Audit tersebut, peruntukan bagi jalan pertanian di bawah SALCRA dan LCDA disalurkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran.

### **c. The State Disaster Relief Fund**

- i. The State Disaster Relief Fund (Dana) diwujudkan pada 1 Januari 1999 di bawah Subseksyen 4(3) The Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963 dan The State Disaster Relief Fund Direction 1999. Dana ini bertujuan untuk memberi bantuan dan pemulihan kepada mangsa bencana alam di Negeri Sarawak dan menampung sebarang perbelanjaan yang berkaitan dengannya. Pegawai Pengawal bagi Dana ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Dana ini dikendali dan diselenggarakan oleh Akauntan Negeri Sarawak selaras dengan kehendak Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Pegawai Pengawal.
- ii. Sehingga akhir tahun 2022, Dana ini berbaki RM246.76 juta iaitu menurun sebanyak RM201.67 juta atau 45% berbanding sejumlah RM448.43 juta pada tahun 2021. Penurunan ini disebabkan pengurangan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Negeri Sarawak bagi menampung perbelanjaan menangani pandemik Covid-19 dan juga Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS). Peruntukan yang diterima pada tahun 2022 berjumlah RM50.06 juta menurun sebanyak RM2.080 bilion atau 97.6% berbanding sejumlah RM2.130 bilion pada tahun 2021.

- iii. Pengurangan perbelanjaan berjumlah RM1.495 bilion atau 83.3% pada tahun 2022 adalah disebabkan penurunan pembayaran BKSS berjumlah RM1.055 bilion dan pengurangan perbelanjaan operasi pandemik Covid-19 berjumlah RM421.05 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 57**.

**JADUAL 57**  
**BAKI THE STATE DISASTER RELIEF FUND**  
**PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	448.43	105.10	343.33	326.7
Peruntukan	50.06	2,130.08	(2,080.02)	(97.6)
Faedah Daripada Simpanan Tetap	0.00**	0.01*	(0.00)***	(0.0)
Bayaran Balik Perbelanjaan	48.53	8.68	39.85	459.1
Perbelanjaan	300.26	1,795.44	(1,495.18)	(83.3)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>246.76</b>	<b>448.43</b>	<b>(201.67)</b>	<b>(45.0)</b>

Sumber: Penyata Penerimaan dan Pembayaran The State Disaster Relief Fund

Nota: (\*) - Amaun sebenar RM6,232.50

(\*\*) - Amaun sebenar RM4,967.50

(\*\*\*) - Amaun sebenar (RM1,265.00)

- iv. Kesilapan pengiraan amaun dalam invoice dan rekod penginapan menyebabkan amaun sejumlah RM91,545 terlebih dibayar kepada pihak hotel. Mengikut perjanjian antara Kerajaan Negeri dan syarikat pembekal, sebarang tempahan makanan tambahan sepautunya ditanggung sepenuhnya oleh Person Under Surveillance (PUS). Sejumlah RM15,323 caj makanan tambahan yang dibuat oleh PUS telah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. **Pembayaran di atas melibatkan amaun terlebih bayar berjumlah RM106,868.**

#### Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 22 Jun 2023

Setelah semakan dibuat, tiada lebihan bayaran bagi transaksi berjumlah RM87,113. Bagi transaksi yang terlebih dibayar sejumlah RM19,755, pihak hotel telah membuat bayaran balik kepada Kerajaan Negeri.

#### d. Housing Loan Trust Account For Low Income Group

- i. Housing Loan Trust Account for Low Income Group (Dana) telah ditubuhkan di bawah Subseksyen 4(3) The Financial Procedure Act 1957 dan Housing Loan Trust Account for Low Income Group Direction 2003 yang berkuat kuasa mulai 4 Jun 2003. Pegawai Pengawal bagi Dana ini adalah Setiausaha

Tetap, Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPHLG). Pegawai Pengawal juga telah melantik Perbadanan Pembangunan Perumahan (HDC) sebagai pentadbir kepada Dana ini untuk memproses permohonan pinjaman perumahan dan pelbagai kerja pentadbiran. Dana ini ditubuhkan bagi tujuan membiayai pinjaman perumahan kepada penduduk Sarawak yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah untuk membolehkan mereka membina rumah sendiri.

- ii. Pada tahun 2022, baki akhir terkumpul adalah berjumlah RM20.18 juta berbanding sejumlah RM12.78 juta pada tahun 2021 iaitu meningkat sebanyak RM7.40 juta atau 57.9%. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 58**.

**JADUAL 58**  
**BAKI HOUSING LOAN TRUST ACCOUNT BAGI**  
**LOW INCOME GROUP PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	12.78	12.80	(0.02)	(-0.2)
Terimaan	15.64	10.82	4.82	44.5
Perbelanjaan	8.24	10.84	(2.60)	(24.0)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>20.18</b>	<b>12.78</b>	<b>7.40</b>	<b>57.9</b>

Sumber: Penyata Housing Loan Trust Account For Low Income Group

- iii. Sehingga akhir tahun 2022, sebanyak 578 projek telah diluluskan pinjaman perumahan dengan bayaran pokok keseluruhan berjumlah RM255.54 juta. Bayaran balik daripada pinjaman yang diterima adalah berjumlah RM3.48 juta. Baki pinjaman yang belum dibayar sehingga akhir tahun 2022 adalah berjumlah RM261.32 juta manakala **tunggakan pinjaman semasa adalah berjumlah RM47.49 juta sejak tahun 2007**.

### Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 11 April 2023

Tindakan yang diambil :

- i. Program kutipan secara berkala sekurang-kurangnya empat kali setahun telah dijalankan melibatkan kesemua projek di bawah Skim Pinjaman Rumah Panjang. Jadual kutipan seperti yang dilampirkan.
- ii. Pembayaran balik secara atas talian melalui platform seperti JomPay, CIMB Virtual Account dan Internet Banking.

- iii. Peminjam juga boleh menjelaskan pembayaran melalui kaunter Pusat Transformasi Bandar (UTC) sekiranya tiada kemudahan internet.
- iv. Surat peringatan dikeluarkan secara berterusan kepada peminjam mempunyai tunggakan.

**e. The Ketua Masyarakat (Ketua Kaum) Trust Fund**

- i. The Ketua Masyarakat (Ketua Kaum) Trust Fund (Dana) diwujudkan pada 1 Mac 2006 di bawah Subseksyen 4(3) The Financial Procedure (Contingencies and Trust Funds) Ordinance 1963 dan The Ketua Masyarakat (Ketua Kaum) Trust Fund Direction 2019. Dana ini bertujuan membayar Elaun Ketua Masyarakat (Ketua Kaum) yang dilantik dan diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Sarawak serta Elaun Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Pegawai Pengawal bagi Dana ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak. Dana ini diselenggarakan oleh Akauntan Negeri Sarawak selaras dengan kehendak Akta Tatacara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan dan peraturan lain yang berkuat kuasa.
- ii. Sehingga akhir tahun 2022, Dana ini berbaki RM93.24 juta iaitu menurun sebanyak RM30.48 juta atau 24.6% berbanding sejumlah RM123.72 juta pada tahun 2021. Penerimaan dalam tahun 2022 termasuk bayaran balik perbelanjaan berjumlah RM57.92 juta iaitu menurun sebanyak RM103.85 juta atau 64.2% berbanding RM161.77 juta pada tahun 2021. Penurunan penerimaan adalah disebabkan pengurangan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam tahun 2022.
- iii. Perbelanjaan dalam tahun 2022 berjumlah RM88.40 juta mencatatkan penurunan sebanyak RM6.85 juta atau 7.2% berbanding RM95.25 juta pada tahun 2021. Butiran baki Dana ini seperti dalam **Jadual 59**.

**JADUAL 59**  
**BAKI THE KETUA MASYARAKAT (KETUA KAUM)**  
**TRUST FUND PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2022 (RM Juta)</b>	<b>2021 (RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
			<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
Baki Pada 1 Januari	123.72	57.20	66.52	116.3
Peruntukan	57.39	161.16	(103.77)	(64.4)
Bayaran Balik Perbelanjaan	0.53	0.61	(0.08)	(13.1)
Perbelanjaan	88.40	95.25	(6.85)	(7.2)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>93.24</b>	<b>123.72</b>	<b>(30.48)</b>	<b>(24.6)</b>

Sumber: Penyata Penerimaan dan Pembayaran The Ketua Masyarakat (Ketua Kaum) Trust Fund

iv. Sehingga akhir tahun 2022, sejumlah RM68.79 juta telah dibelanjakan untuk pembayaran Elaun Ketua Kaum, RM15.36 juta untuk pembayaran Elaun Setiausaha JKKK dan RM4.22 juta untuk pembayaran lain-lain elaun.

**Senarai Bayaran Balik Gaji bagi Ketua Masyarakat/Ketua Kaum/Setiausaha menunjukkan elaun terlebih bayar bagi Ketua Kaum yang masih tertunggak telah meningkat sebanyak RM77,309 atau 5.8% iaitu berjumlah RM1.42 juta pada tahun 2022 berbanding RM1.34 juta pada tahun 2021.**

Setakat 31 Disember 2022, Elaun Terlebih Bayar ini berlaku disebabkan penerima tamat tempoh perkhidmatan, meninggal dunia, meletak jawatan, ditamatkan atau mempunyai dua nombor gaji. Butiran lanjut Elaun Terlebih Bayar seperti dalam **Jadual 60**.

**JADUAL 60**  
**ELAUN TERLEBIH BAYAR BAGI KETUA KAUM**  
**YANG MASIH TERTUNGGAK PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

TAHUN	BAKI PADA 31 DISEMBER 2022		BAKI PADA 31 DISEMBER 2021		PENINGKATAN/ (PENURUNAN)	
	AMAUN (RM)	BILANGAN KES	AMAUN (RM)	BILANGAN KES	AMAUN (RM)	BILANGAN KES
2009	14,359.84	12	18,725.97	15	(4,366.13)	(3)
2010	4,827.82	4	6,674.76	8	(1,846.94)	(4)
2011	21,070.81	16	29,421.93	24	(8,351.12)	(8)
2012	5,374.52	3	9,264.82	4	(3,890.30)	(1)
2013	-	-	180.65	1	(180.65)	(1)
2014	52,815.04	9	64,350.52	12	(11,535.48)	(3)
2015	68,799.22	10	78,598.81	12	(9,799.59)	(2)
2016	38,665.03	14	47,072.69	18	(8,407.66)	(4)
2017	64,120.65	22	97,114.56	40	(32,993.91)	(18)
2018	323,565.09	27	530,422.11	52	(206,857.02)	(25)
2019	342,856.68	13	398,606.68	17	(55,750.00)	(4)
2020	23,122.90	8	30,010.61	15	(6,887.71)	(7)
2021	13,813.88	18	29,398.14	36	(15,584.26)	(18)
2022	443,759.98	59	-	-	443,759.98	59
<b>JUMLAH</b>	<b>1,417,151.46</b>	<b>215</b>	<b>1,339,842.25</b>	<b>254</b>	<b>77,309.21</b>	<b>(39)</b>

Sumber: Senarai Bayaran Balik Gaji Bagi Ketua Masyarakat/Ketua Kaum/Setiausaha daripada Unit Pentadbiran, Jabatan Premier Sarawak

v. Analisis Audit mendapati **sejumlah RM205,912 atau 14.5% daripada Elaun Ketua Kaum terlebih bayar berjumlah RM1.42 juta telah tertunggak melebihi enam tahun iaitu sejak tahun 2009. Jumlah ini telah menurun sebanyak RM1,305 atau 0.6% berbanding elaun terlebih bayar yang telah tertunggak melebihi enam tahun berjumlah RM207,217**

**pada tahun 2021.** Tahun 2022 mencatatkan jumlah Elaun Terlebih Bayar yang tertinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 59 Ketua Kaum telah terlebih dibayar Elaun Ketua Kaum berjumlah RM443,759.98 pada tahun 2022, iaitu meningkat sebanyak RM414,362 berbanding 36 Ketua Kaum berjumlah RM29,398 pada tahun 2021. Perkara ini berlaku disebabkan tindakan untuk mengemas kini status penerima dan memberhentikan pembayaran elaun lewat dibuat. Analisis pengumuran elaun terlebih dibayar bagi Ketua Kaum yang tertunggak seperti dalam **Jadual 61**.

**JADUAL 61**  
**KEDUDUKAN PENGUMURAN ELAUN KETUA KAUM TERLEBIH DIBAYAR**

BIL.	TEMPOH TERTUNGGAK	TAHUN	BILANGAN KES	JUMLAH (RM)
1.	Kurang 1 Tahun	2022	59	443,759.98
2.	1 Tahun	2021	18	13,813.88
3.	2 Hingga 5 Tahun	2020 - 2017	70	753,665.32
4.	6 Hingga 10 Tahun	2016 - 2012	36	165,653.81
5.	Melebihi 10 Tahun	2011 - 2009	32	40,258.47
<b>JUMLAH</b>			<b>215</b>	<b>1,417,151.46</b>

Sumber: Senarai Bayaran Balik Gaji Bagi Ketua Masyarakat/Ketua Kaum/Setiausaha Sehingga 31 Disember 2022

### **Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 11 April 2023**

Sesi Libat Urus bersama Pejabat Residen dan Daerah telah diadakan mengikut empat sesi bagi memastikan senarai tunggakan dan jumlah yang direkod oleh Unit Pentadbiran dan Pejabat Residen dan Daerah adalah sama dan tepat. Empat sesi tersebut adalah seperti berikut:

- i. Sesi 1 – Bahagian Kuching, Samarahan dan Serian (23 hingga 24 Mac 2022)
- ii. Sesi 2 – Bahagian Sarikei, Sibu, Mukah dan Kapit (31 Mac 2022 hingga 1 April 2022)
- iii. Sesi 3 – Bahagian Miri, Bintulu dan Limbang (15 hingga 16 Jun 2022)
- iv. Sesi 4 – Bahagian Sri Aman dan Betong (29 hingga 30 Jun 2022)

Mesyuarat Berkaitan Tunggakan Bayaran Balik Gaji/Elaun (BBG) Ketua Masyarakat serta Ketua Kaum (KMKK) dan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sarawak juga telah diadakan bersama dengan Pejabat Residen dan Daerah pada 9 Disember 2022 dan 22 Februari 2023.

Bengkel Pemurnian Data KMKK bersama pihak SAINS, Jabatan Perbendaharaan Negeri, Pejabat Residen, dan Daerah di Bahagian Samarahan sebagai *pilot project* telah diadakan pada 9 hingga 10 Mac 2023.

Pihak Unit Pentadbiran telah mengeluarkan memorandum arahan bertarikh 24 Februari 2023 untuk membenarkan Akauntan negeri memberhentikan gaji/elaun KMKK yang telah tamat atau akan tamat tempoh pelantikan tanpa menunggu Borang Input R daripada Pusat Tanggungjawab (PTJ) mulai bulan Mac 2023 bagi mengelakkan lebihan bayaran gaji/elaun dari terus berlaku.

## 8.7. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.7.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan amanah khas yang diperuntukkan di bawah akta yang berkaitan. Kumpulan wang amanah ini terdiri daripada Amanah Khas dan Amanah Am. Terdapat 22 akaun amanah perlu disediakan Penyata Akaun Tahunan dan sebanyak 13 daripadanya perlu diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Sebanyak empat daripada 13 akaun yang menyediakan Penyata Akaun Tahunan perlu disijilkan.

8.7.2. Baki Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2022 adalah berjumlah RM296.80 juta iaitu menurun sebanyak RM16.99 juta atau 5.4% berbanding sejumlah RM313.79 juta pada tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 62**.

**JADUAL 62**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**  
**AMANAH AWAM PADA TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

BIL.	BUTIRAN	BILANGAN AKAUN AMANAH	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Amanah Khas	8	205.96	212.71	(6.75)	(3.2)
2.	Amanah Am	14	90.84	101.08	(10.24)	(10.1)
	<b>JUMLAH</b>	<b>22</b>	<b>296.80</b>	<b>313.79</b>	<b>(16.99)</b>	<b>(5.4)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perbendaharaan Negeri

## 8.7.3. The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Trust Fund

a. The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Trust Fund (Dana) telah ditubuhkan di bawah Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Fund Ordinance 1985. Tujuan Dana ini adalah untuk memulihkan ekonomi, sosial dan pembangunan masyarakat setempat yang terjejas akibat

aktiviti pembalakan. Dana ini digunakan untuk menyedia dan menaik taraf kemudahan infrastruktur awam dan sosial, meningkatkan tahap kesihatan dan pendidikan serta menjalankan aktiviti untuk kepentingan dan faedah masyarakat setempat. Kementerian Pembangunan Bandar dan Sumber Asli bertanggungjawab untuk mengurus Dana ini dan mengawal perbelanjaannya dengan teratur.

- b. Pada tahun 2022, baki akhir terkumpul Dana ini adalah berjumlah RM134.14 juta iaitu menurun sebanyak RM7.72 juta atau 5.4% berbanding RM141.86 juta pada tahun 2021. Pendapatan pada tahun 2022 berjumlah RM9.15 juta berbanding sejumrah RM6.35 juta bagi tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak RM2.80 juta atau 44.1%. Perbelanjaan pada tahun 2022 berjumlah RM16.87 juta berbanding sejumrah RM13.24 juta bagi tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak RM3.63 juta atau 27.4%. Peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan pertambahan pembayaran projek pada tahun 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 63**.

**JADUAL 63**  
**BAKI THE FOREST CONCESSION AREA (REHABILITATION AND DEVELOPMENT) TRUST FUND BAGI TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BUTIRAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	141.86	148.75	(6.89)	(4.6)
Pendapatan	9.15	6.35	2.80	44.1
Perbelanjaan	16.87	13.24	3.63	27.4
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>134.14</b>	<b>141.86</b>	<b>(7.72)</b>	<b>(5.4)</b>

Sumber: Penyata Akaun Tahunan The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Trust Fund

- c. Analisis Audit mendapati setakat akhir tahun 2022, sejumrah RM128.49 juta yang dilaburkan dalam Simpanan Tetap, Saham Amanah dan Ekuiti masih belum dibelanjakan untuk mencapai objektif penubuhan yang ditetapkan. Perkara ini menunjukkan kebergantungan ketara Dana ini terhadap peruntukan daripada Kerajaan Negeri bagi membiayai kos perbelanjaan projek setiap tahun sedangkan baki yang dipegang masih mencukupi.
- d. Subseksyen 5(d) Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Fund Ordinance 1985 menyatakan *the Board shall have powers to invest in such securities or to make such investments in land development scheme or in any business or venture as the Board deems to be beneficial to the Fund*. Analisis Audit mendapati **tiada pulangan dividen diperoleh daripada Pelaburan dalam unit amanah dan saham berjumlah RM34.87 juta sepanjang tahun 2022. Pelaburan yang dibuat**

**perlu dikaji semula bagi memastikan wang awam dapat diuruskan dengan baik dan pulangan faedah dapat dimanfaatkan melalui pulangan faedah.**

### **Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 11 April 2023**

Pelaburan yang tiada pulangan dividen pada tahun 2022 merupakan keputusan Kerajaan Negeri sebagai pelaburan strategik dan tidak hanya fokus kepada pulangan dividen semata-mata tetapi lebih kepada pembangunan modal insan.

### **Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 8 Mei 2023**

Pelaburan saham yang tiada pulangan dividen merupakan pelaburan strategik (Strategic Investment) untuk memberi faedah kepada rakyat Sarawak keseluruhannya dan tidak hanya fokus kepada pendapatan melalui pulangan dividen semata tetapi lebih kepada pembangunan modal insan disamping memperkasakan sektor pengajian tinggi di Sarawak.

- e. Peruntukan diluluskan untuk perbelanjaan projek Dana ini dalam tahun 2022 adalah berjumlah RM18.62 juta dan sejumlah RM22.51 juta pada tahun 2021. Analisis Audit mendapati sebanyak 17.5% daripada kos projek keseluruhan dalam tahun 2022 masih berstatus Dalam Pelaksanaan, sebanyak 18.6% masih Belum Mula dan sebanyak 64% berstatus Dalam Perancangan. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 64**.

**JADUAL 64**  
**STATUS PELAKSANAAN PROJEK BAGI TAHUN 2022**

BIL.	STATUS PELAKSANAAN PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	BILANGAN PROJEK
1.	Dalam Pelaksanaan	3.25	8
2.	Belum Mula	3.46	6
3.	Dalam Perancangan	11.91	30
<b>JUMLAH</b>		<b>18.62</b>	<b>44</b>

Sumber: Rekod Prestasi Fizikal dan Kewangan Projek The Forest Concession Area (Rehabilitation and Development) Trust Fund

### **Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 8 Mei 2023**

Mengadakan sesi libat urus bersama pihak Residen bagi mengenal pasti isu yang dihadapi di peringkat agensi pelaksana dan cadangan penyelesaian sewajarnya.

## **8.8. Pembentangan Penyata Penerimaan dan Pembayaran**

Penyata Penerimaan dan Pembayaran dibentangkan di DUN mengikut Arahan Amanah yang berkaitan. Sebanyak 21 daripada 40 akaun amanah perlu dibentangkan di DUN. Didapati Semua akaun amanah tersebut telah dibentangkan di DUN bagi penyata tahun 2021 kecuali akaun amanah Sarawak Heritage Trust Fund.

### **Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 8 Mei 2023**

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Sarawak Heritage Trust Fund akan dibentangkan di MMKN pada 8 Jun 2023.

## **8.9. Akaun Deposit**

8.9.1. Akaun Deposit adalah wang yang disimpan bagi tujuan tertentu dan perlu dikembalikan atau diselaraskan selepas tujuannya dicapai. Pada akhir tahun 2022, Akaun Deposit yang dipegang oleh Kerajaan Negeri meningkat sebanyak RM13.55 juta atau 6.4% kepada RM224.37 juta berbanding RM210.83 juta pada tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 65**.


**JADUAL 65**  
**KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2022 BERBANDING 2021**

BIL.	JENIS DEPOSIT	BILANGAN PENDEPOSIT		BAKI DEPOSIT (RM Juta)		PERUBAHAN	
		2022	2021	2022	2021	(RM Juta)	(%)
1.	Deposit Am	5,934	5,442	202.34	189.79	12.55	6.6
2.	Deposit Khas	1,269	1,178	22.03	21.04	1.00	4.7
	<b>JUMLAH</b>	<b>7,203</b>	<b>6,620</b>	<b>224.37</b>	<b>210.83</b>	<b>13.55</b>	<b>6.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Berkennaan

8.9.2. Trend baki Akaun Deposit bagi tempoh lima tahun menunjukkan peningkatan dari tahun 2018 hingga 2022. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 7**.

**CARTA 7**  
**TREND BAKI AKAUN DEPOSIT BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak

8.9.3. Arahan Perbendaharaan 162 menyatakan deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut dalam masa tiga bulan selepas diwartakan, ia hendaklah dikreditkan kepada hasil.

**Sejumlah RM8.88 juta deposit telah lama tertunggak iaitu melebihi 10 tahun dan belum ada tindakan diambil untuk membayar balik kepada pendeposit mahupun membuat pelarasan ke Akaun Hasil.** Kedudukan deposit tertunggak adalah antara satu hingga 73 tahun. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 66**.

**JADUAL 66**  
**PENGUMURAN DEPOSIT ANTARA SATU HINGGA 73 TAHUN**

BIL.	TEMPOH DEPOSIT	DEPOSIT KHAS (RM Juta)	DEPOSIT AM (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
1.	1 tahun	2.83	64.80	67.63
2.	2 hingga 5 tahun	9.36	124.67	134.03
3.	6 hingga 10 tahun	3.63	10.20	13.83
4.	11 hingga 73 tahun	6.21	2.67	8.88
<b>JUMLAH</b>		<b>22.03</b>	<b>202.34</b>	<b>224.37</b>

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Hutan

### Maklum Balas Kerajaan Negeri pada 8 Mei 2023

Deposit Estet (di bawah Deposit Am) yang melebihi 10 tahun, tindakan pewartaan tidak dapat dilakukan kerana deposit berkenaan masih menunggu keputusan Mahkamah.

## 9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala liabiliti terdiri daripada Hutang Awam dan pelbagai liabiliti. Nilai aset yang diakaunkan dalam Penyata Akaun Memorandum dalam tahun 2022 berjumlah RM12.005 bilion iaitu menurun sebanyak RM269.20 juta atau 2.2% berbanding RM12.274 bilion pada tahun sebelumnya. Liabiliti Kerajaan Negeri yang merupakan hutang kepada Kerajaan Persekutuan menunjukkan peningkatan sebanyak RM46.31 juta atau 2.5% kepada RM1.888 bilion dalam tahun 2022 berbanding RM1.842 bilion pada tahun 2021.

### 9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sumber bagi pinjaman ini adalah daripada Kerajaan Negeri atau menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2022, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM2.325 bilion iaitu menurun RM181.58 juta atau 7.2% berbanding RM2.506 bilion pada tahun 2021. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 67**.

**JADUAL 67**  
**BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2022 BERBANDING TAHUN 2021**

BIL.	AGENSI/PINJAMAN	2022 (RM Juta)	2021 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun Negeri	2,219.28	2,288.25	(68.97)	(3.0)
2.	Syarikat Berkaitan Kerajaan	104.98	217.59	(112.61)	(51.8)
3.	Skim Pinjaman Pelajar	0.57	0.57	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>2,324.83</b>	<b>2,506.41</b>	<b>(181.58)</b>	<b>(7.2)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan Jabatan Perpendaharaan Negeri Sarawak

9.1.2. Penurunan jumlah hutang ini adalah disebabkan Kerajaan Negeri telah mengeluarkan pinjaman baharu kepada tiga agensi berjumlah RM17.78 juta berbanding bayaran balik pinjaman oleh 12 agensi berjumlah RM115.75 juta dalam tahun 2022. Baki Pinjaman Boleh Dituntut dalam tahun 2022 adalah terdiri daripada sumber Kerajaan Negeri berjumlah RM1.139 bilion dan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.186 bilion.

9.1.3. Sejumlah RM86.75 juta merupakan bayaran yang telah diterima daripada sembilan Badan Berkanun Negeri dan sejumlah RM29 juta diterima daripada tiga syarikat dalam tahun 2022. Sebanyak enam pinjaman berjumlah RM36.04 juta telah

selesai dalam tahun 2022. **Bagaimanapun, Perbadanan Urusan Kejuruteraan dan Limbungan Brooke masih belum membayar balik anuiti pertama dalam tahun 2022 berjumlah RM6 juta.** Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 68**.

**JADUAL 68  
PERGERAKAN PINJAMAN DAN BAYARAN BALIK PADA TAHUN 2022**

